

BERITA BUKIT AMAN

NO. ISSN: 1394-8687

EDISI: APRIL-JUN 2025

KPN DAN TIMBALAN KPN
BERI PENGHORMATAN TERAKHIR
KEPADA ALLAHYARHAM
TUN ABDULLAH HJ. AHMAD BADAWI
m/s: 6

TIMBALAN KPN
IRING DYTMM RAJA MUDA
SELANGOR CEMAR DULI
SEMPURNAKAN PERASMIAN
BALAI POLIS BANDAR
COUNTRY HOMES
m/s: 9

NAHAS TRAK PSP:
KPN SEMPURNAKAN
MAJLIS SERAH
SUMBANGAN KEPADA BALU,
WARIS DAN MANGSA
m/s:30

TIMBALAN KPN
DIKURNIA DARJAH KEBESARAN P.S.M.
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI
KEPUTERAAN RASMI KDYMM SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
TAHUN 2025
m/s: 36

KPN TERIMA DARJAH
UTAMA BAKTI CEMERLANG
DARIPADA PRESIDEN REPUBLIK
SINGAPURA
m/s: 42

TAN SRI RAZARUDIN
PEMIMPIN DEKAT DI HATI
WARGA SANG SAKA BIRU



**KETUA POLIS NEGARA YANG KE-15
BERKUAT KUASA : 23 JUN 2025**



Editor
ACP Julina Salehuddin

Penolong Editor

DSP Norhamizah Abu Bakar
ASP S. Vishvamalar A. Sirosagee
ASP Aslina Anas
ASP Nurwahida Misran

Pembantu Penolong Editor

Insp Alziz Dason
Insp Suzila Ismail
Insp Syed Mohd Fitri Syed Mohd Jefferi
Insp Azril Shahzewan Jamiran
Insp Nurul Syahidatul Akmal Amiruddin
Insp Norashiqien Hamzah
Insp. Afiro Ab Wahab
Insp. Siti Najwa Rashid
Insp. Nik Mohamad Afif Al-Aziz Mohamad Yusof

Pereka Grafik

Sjn Mohamad Faizyal Jamaludin
Kpl Iqtar Azmi

Jurufoto

Sjn Aslam Syir Khan Fairuz Khan
Kpl Irfan Bujang
Kpl Shazril Abd Rashid
L/Kpl Hafizah Hassan Sabery
L/Kpl Nurkhairunisa Ibrahim
L/Kpl Muhammad Shafiq Abu Bakar
L/Kpl Bryanlie Mustin
Konst. Azri Mohd Sabri
Konst. Syed Muhammad Hafiz Syed Alwi

Sumbangan Artikel

Unit Penerbitan dan Publisiti (UPP)
Unit Portal dan Media Sosial (UPMS)
Unit Sumber Informasi dan Analisis (SIDA)

TIMBALAN KPN IRING KDYMM YDPA LAWAT LOKASI LETUPAN PAIP GAS DI PUTRA HEIGHTS

Subang Jaya, 5 April 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (YDPA), Sultan Ibrahim melawat ke lokasi kebakaran saluran paip gas di Putra Heights.

Turut berangkat dalam lawatan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj. Baginda telah diberi taklimat berkenaan situasi dan perkembangan semasa insiden kebakaran paip gas oleh Ketua Polis Selangor, CP Dato' Hussein Omar Khan.

Selesai sesi taklimat, Dato' Sri Ayob Khan mengiringi baginda berdua berangkat ke Pos Kawalan Tempat Kejadian bagi meninjau dan melihat keadaan kawasan yang terjejas. Dalam pada itu, Baginda turut berangkat ke Pusat Pemindahan Sementara yang terletak di Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights bagi menyantuni mangsa-mangsa yang terlibat dalam insiden tersebut di samping menyampaikan sumbangan dari Yayasan Sultan Ibrahim Johor.



Turut hadir, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Hj. Mohamad Sabu, Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, CP Dato' Sri Azmi Abu Kassim dan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Dato' Ts. Nor Hisham Mohammad.

KPN LAWAT LOKASI LETUPAN PAIP GAS DI PUTRA HEIGHT

Subang Jaya, 7 April 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain melawat ke lokasi kebakaran saluran paip gas di Putra Heights. Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Polis (KP) Selangor, CP Dato' Hussein Omar Khan.

Lawatan beliau itu dimulakan dengan mendengar taklimat oleh Dato' Hussein berkenaan kejadian yang berlaku di mana semua elemen memainkan peranan dalam memastikan keadaan dan keselamatan kawasan kembali pulih seperti sedia kala.



Tan Sri Razarudin turut mendengar taklimat oleh KP Daerah Subang Jaya, ACP Wan Azlan Wan Mamat berkenaan perkembangan semasa siasatan yang dijalankan oleh pihak polis. Seusai taklimat, Tan Sri Razarudin telah dibawa ke Pos Kawalan Tempat Kejadian bagi membuat tinjauan dan melihat keadaan kawasan yang terjejas diiringi oleh Timbalan KP Selangor, DCP Mohd Zaini Abu Hassan.

Turut hadir, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, SAC Wan Kamarul Azran Wan Yusof, Pegawai Turus Persenjaan (CBRNE), Cawangan Persenjaan, Jabatan Logistik dan Teknologi Bukit Aman, DSP Rayner Jaunis.



KPN SAKSI IKRAR SUMPAAH TAAT SETIA 316 PELATIH POLIS BANTUAN MAHB TAMAT LATIHAN

Sepang, 11 April 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain hadir menyaksikan laungan ikrar dan sumpah taat setia oleh 316 pelatih Polis Bantuan pada Majlis Tamat Latihan Asas Pegawai dan Pembantu Keselamatan Penerbangan (Polis Bantuan) Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) yang berlangsung di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Majlis yang disempurnakan oleh Tan Sri Razarudin itu sebagai meraikan kejayaan 15 pelatih pegawai dan 301 anggota MAHB selepas menamatkan latihan asas selama enam bulan yang bermula pada 5 Oktober 2024 di bawah kendalian Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (PULAPOL KL) dan School of Aviation Security Malaysia Airport Training Centre.

Ketibaan Tan Sri Razarudin telah disambut oleh Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, CP Datuk Wan Hassan Wan Ahmad bersama Pengerusi MAHB, Dr. Nungsari Ahmad Radhi sebelum dibawa menerima tabik hormat dari detasemen kawalan kehormatan.

Berucap dalam majlis berkenaan, Tan Sri Razarudin menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua pelatih atas kejayaan menamatkan latihan asas dengan cemerlang. “Kejayaan ini menjadi titik permulaan perjalanan kerjaya tuan-tuan dan puan-puan sebagai seorang Pegawai Polis Bantuan MAHB,” ujarnya.

‘Sebagai benteng barisan hadapan di pintu masuk utama negara, Pegawai Polis Bantuan MAHB mempunyai peranan yang amat kritikal dan perlu sentiasa bersiap siaga bagi mendepani sebarang bentuk ancaman untuk memastikan kelancaran pengoperasian sistem pengangkutan udara negara kekal selamat. Optimumkan tahap disiplin, patuhi peraturan dan laksanakan tugas dengan penuh berintegriti’, tambahnya lagi.

Tirai perbarisan ditutup dengan persembahan lintas hormat dari Pancaragam Pusat Polis Diraja Malaysia yang dipimpin oleh Penolong Pengarah Muzik Pusat, Inspektor Dzelfa Zainal Abidin dan dibantu oleh Drum Major, Koperal Mohamad Fahrul Radza Ramlan disusuli persembahan tangkas kemahiran seni mempertahankan diri menggunakan T-Baton oleh para pelatih.

Turut hadir, Timbalan Ketua Polis Selangor, DCP Mohd Zaini Abu Hassan, Pengarah Urusan Kumpulan Malaysia Airports, Dato’ Mohd Izzani Ghani barisan pengurus tertinggi MAHB, Ketua Polis Daerah KLIA, ACP Azman Shari’at, Timbalan Komandan (Latihan) PULAPOL KL, ACP Muhammad Najib Hamzah dan para pegawai kanan polis serta ahli keluarga para pelatih.



OP SELAMAT 24: POLIS KONTINJEN KUALA LUMPUR DAN IPD TENOM CATAT PRESTASI CEMERLANG

Kuala Lumpur, 12 April 2025 - Prestasi cemerlang, komitmen tinggi pegawai dan anggota polis bertugas serta trend penurunan kes kemalangan berbanding tahun sebelumnya telah menjadikan Polis Kontinjen Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tenom diangkat sebagai juara dalam kempen Op Selamat 24 sempena Hari Raya Aidilfitri pada kali ini.

Manakala Polis Kontinjen Perak dan Selangor pula masing-masing mencatat sejarah tersendiri apabila diumumkan sebagai terbaik bagi kategori penguatkuasaan trafik, saman dan kadar kemalangan terendah di seluruh negara.

Pengumuman juara dan keseluruhan terbaik kategori kontinjen dan daerah dibuat dalam Majlis Apresiasi Op Selamat 24 sempena Hari Raya Aidilfitri 2025 yang berlangsung di Dewan Pengaman, Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (PULAPOL KL).

Hadir menyempurnakan majlis apresiasi ialah Timbalan Ketua Polis Negara, DIG Dato’ Sri Ayob Khan Mydin Pitchay dengan diiringi oleh Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, CP Dato’ Sri Mohd Yusri Hj. Hassan Basri bersama Pengerusi Kumpulan Telekom Malaysia, Datuk Zainal Abidin Putih selaku rakan kolaborasi strategik utama yang menjadi penaja perdana bagi kempen edisi kali ini.

Berucap dalam majlis itu, Dato’ Sri Ayob Khan memaklumkan trend penurunan kes-kes kemalangan jalan raya di seluruh negara, menggambarkan tahap kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap peraturan serta undang-undang lalu lintas. “Op Selamat 24 sempena Hari Raya Aidilfitri 2025 yang bermula pada 29 Mac 2025 sehingga 3 April 2025 telah merekodkan kemalangan jalan raya berjumlah 9,859 kes, mencatat peningkatan sejumlah 408 kes bersamaan empat peratus, berbanding 9,451 kes semasa Op Selamat 22 pada tahun lalu.”

Namun begitu, jumlah kemalangan maut mencatat penurunan 41 peratus, dengan 77 kes kemalangan maut, berkurangan 54 kes berbanding tahun sebelumnya yang merekodkan sejumlah 131 kes. “Alhamdulillah, turut berkurangan adalah jumlah kematian akibat kemalangan. Op Selamat 24 merekodkan 85 kematian, penurunan 59 kematian bersamaan 41 peratus berbanding 144 kematian pada tahun lalu.” ujarnya.

Tambah beliau, penunggang dan pembonceng motosikal masih kekal sebagai penyumbang tertinggi angka korban dalam Op Selamat edisi kali ini. Sejumlah 52 kematian penunggang dan pembonceng motosikal direkodkan, berbanding 93 kematian pada tahun lalu, pengurangan 41 kematian bersamaan 44 peratus.

Turut diadakan majlis penyampaian sijil penghargaan dan cenderahati kepada semua Pesuruhjaya dan Ketua Polis Negeri serta rakan-rakan strategik yang menjayakan Op Selamat 24 oleh Dato’ Sri Ayob Khan disusuli dengan tayangan montaj.



KPN DAN TIMBALAN KPN BERI PENGHORMATAN TERAKHIR KEPADA ALLAHYARHAM TUN ABDULLAH HJ. AHMAD BADAWI



Kuala Lumpur, 15 April 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain bersama Timbalan KPN, DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menghadiri majlis penghormatan terakhir Perdana Menteri (PM) ke-5, Allahyarham Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi di Masjid Negara.

Istiadat Pengebumian Negara dilaksanakan sepenuhnya di Masjid Negara serta solat jenazah di Dewan Solat Utama yang dipimpin oleh Imam Besar Masjid Negara, Tuan Hj. Ehsan Mohd Hosni. Turut hadir PM, Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk memberi penghormatan terakhir.

Selain ahli keluarga terdekat turut melibatkan beberapa figura yang pernah menerajui negara memberikan penghormatan terakhir antaranya Tun Dr. Mahathir Mohamad, Dato' Seri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak, Tan Sri Dato' Hj. Mahiaddin Hj. Md Yassin dan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.

Turut hadir, Timbalan PM merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Timbalan PM merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Hj. Fadillah Hj. Yusof, barisan jemaah menteri, bekas-bekas menteri kabinet dan barisan Pengarah Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta perwakilan kedutaan asing.

Seusai solat jenazah, Allahyarham telah diusung dengan penuh penghormatan oleh lapan pegawai kanan PDRM dan pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) lengkap berpakaian istiadat sambil diiringi oleh Tan Sri Razarudin dan Dato' Sri Ayob Khan bersama barisan kepimpinan ATM untuk disemadikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara.

Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi yang berusia 85 tahun telah meninggal dunia pada jam 7.10 malam di Institut Jantung Negara akibat masalah pernafasan dan faktor usia. Semua bangunan di dalam radius dua kilometer daripada Masjid Negara diarah mengibarkan Jalur Gemilang separuh tiang sehingga selesai istiadat pengebumian bagi memberi penghormatan buat tokoh negarawan itu.

Seluruh warga PDRM menzahirkan ucapan takziah buat ahli keluarga Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi dan mendoakan agar roh beliau dicucuri rahmat-Nya serta ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.

Al-Fatihah.



KPN TINJAU PENUGASAN KESELAMATAN PDRM PADA HARI TERAKHIR LAWATAN RASMI PRESIDEN REPUBLIK RAKYAT CHINA



Putrajaya, 17 April 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain membuat tinjauan udara bagi melihat penugasan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada hari terakhir lawatan rasmi Presiden Republik Rakyat China, H.E. Xi Jinping ke Malaysia. Tan Sri Razarudin membuat tinjauan seawal jam 9.15 pagi dari Helipad, Presint 6, di sini, dengan menaiki helikopter jenis AW139 milik Pasukan Gerakan Udara yang dipandu Juruterbang, Superintenden Shaifuddin Mohd Noor dan dibantu Pembantu Juruterbang, DSP Muhammad Amir Isa.

Tinjauan yang mengambil masa hampir sejam itu meliputi lokasi-lokasi sekitar Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, termasuk laluan pergerakan acara. Turut hadir, Penolong Komander (Operasi) Unit Tindakhas Bukit Aman, Superintenden Mohammad Khairani Khalid dan para pegawai kanan.

Terima kasih diucapkan kepada kesemua petugas PDRM atas komitmen tinggi sepanjang acara berlangsung bagi memastikan kesiapsiagaan keselamatan sentiasa pada tahap yang terbaik.



TIMBALAN KPN HADIR TAKLIMAT PERSIAPAN PRK DI BATALION 3 PGA BIDOR PERAK

Tapah, 17 April 2024 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menghadiri Taklimat Persiapan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) N.48 Ayer Kuning yang diadakan di Batalion 3, Briged Utara Pasukan Gerakan Am (PGA) Bidor.

Ketibaan beliau di pekarangan Batalion 3 telah disambut oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Perak, SAC Luqman Abdul Rahman dan Ketua Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Kontinjen Perak, SAC Zairulnizam Mohd Zainuddin @ Hilmi.

Dato' Sri Ayob Khan kemudiannya telah dibawa ke Bilik Mesyuarat Martek bagi mendengar taklimat berkenaan persiapan Kontinjen Perak dalam menghadapi pilihan raya antaranya aspek kekuatan sumber manusia, fasiliti dan keselamatan awam yang disampaikan oleh ketua-ketua jabatan.

Dalam menghadapi PRK ini, Dato' Sri Ayob Khan meletakkan kepercayaan penuh kepada kepimpinan tertinggi kontinjen yang telah menyusun strategi terbaik dan rapi demi memastikan kelancaran PRK.



KPN

BERSAMA PENERUS PERKEP MALAYSIA PENUHI UNDANGAN KE MAJLIS SANTAPAN MALAM DIRAJA



Arau, 17 April 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain bersama isteri merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Puan Sri Datuk Zainah Othman memenuhi undangan hadir ke Majlis Santapan Malam Diraja sempena Sambutan Jubli Perak Pemerintahan Raja Negeri Perlis, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail di Istana Arau.

Raja Perempuan Perlis, DYMM Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid, Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, DYTM Tuanku Dr. Hajjah Shahreen Akashah Khalil turut berkenan berangkat ke majlis yang diadakan.

Turut bercemar duli ialah DYMM Raja-Raja Melayu bersama Raja Permaisuri serta barisan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan Toh Puan Negeri termasuk tetamu diraja iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanah Bolkiah. Majlis santapan berkenaan adalah bagi memperingati 25 tahun pemerintahan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail sebagai Raja Perlis bermula tahun 2000 sehingga 2025 yang telah membuktikan kepimpinan baginda membawa Perlis ke arah kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyatnya.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri I merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri II merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Hj. Fadillah Yusof, Menteri Besar Perlis, Tuan Mohd Shukri Ramli, Ketua Polis Perlis, DCP Dato' Muhammad Abdul Halim, barisan Menteri Kabinet, ketua kementerian dan agensi Kerajaan Negeri Perlis.



TIMBALAN KPN IRING DYTM RAJA MUDA SELANGOR CEMAR DULI SEMPURNAKAN PERASMIAN BALAI POLIS BANDAR COUNTRY HOMES

Rawang, 18 April 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengiringi Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah AlHaj mencemar duli menyempurnakan Majlis Perasmian Balai Polis Bandar Country Homes.

Baginda berkenan melakukan pemeriksaan kawalan kehormatan utama yang terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota dari Pasukan Simpanan Persekutuan diketuai oleh Pegawai Pemerintah Baris, DSP Mohamad Ridzuan Roslan. Dato' Sri Ayob Khan dalam sembah ucapannya menjunjung kasih kepada Baginda atas keprihatinan dan komitmen yang tinggi terhadap keperluan kelengkapan fasiliti Polis Diraja Malaysia (PDRM) demi kepentingan serta jaminan keselamatan segenap lapisan masyarakat secara inklusif.

"Ini sejajar dengan kemudahan fasiliti yang dimiliki, serta keluasan kawasan tadbiran merangkumi 97.53 kilometer persegi dan jumlah penduduk yang mencecah seramai lebih 146 ribu orang," ujar beliau. Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari bersama Ketua Polis Selangor, CP Dato' Hussein Omar Khan selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur turut serta mengiringi Baginda menyempurnakan gimik perasmian dan menandatangani plak perasmian.

Majlis turut diserikan dengan persembahan pantomim Op Daulat yang berkisar peristiwa berdarah perjuangan pegawai dan anggota PDRM menentang pencerobohan penganas sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada tahun 2013. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Baginda bercemar duli menandatangani buku pelawat di ruang kaunter aduan balai dan seterusnya mengadakan lawatan ke fasiliti yang disediakan.

Balai Polis Bandar Country Homes merupakan sebuah pusat kepolisan yang terletak di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak. Bermula dengan identiti sebagai Balai Polis Komuniti dengan kekuatan hanya seramai 11 orang, ia telah dinaik taraf sebagai balai polis induk pada 1 Julai 2024 dengan kekuatan seramai 37 orang, diketuai seorang pegawai kanan berpangkat Inspektor dan dibantu oleh 35 pegawai rendah polis serta seorang pegawai awam.

Hadir sama, Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Rizam Ismail, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Awang Alik Jeman, barisan Pengarah PDRM, barisan pegawai kanan PDRM, KDN serta Kerajaan negeri.





Kuala Lumpur, 19 April 2025 - Sempena sambutan Hari Polis ke-218, warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) beragama Sikh telah menganjurkan majlis sembahyang khas di Gurdwara Sahib, Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (PULAPOL).

Majlis tahunan ini bertujuan memperkukuh hubungan silaturahim dalam kalangan warga PDRM dan masyarakat setempat, seiring dengan slogan keramat pasukan, “Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada.”

Ia turut diserikan dengan kehadiran Menteri Digital, Tuan Gobind Singh Deo sebagai perasmis acara dan berbesar hati memberikan sumbangan berjumlah RM10,000 kepada setiap Gurdwara Polis iaitu Gurdwara Sahib Polis KL, Parlimen KL, PULAPOL KL, Polis Ipoh dan Polis Pulau Pinang.

Acara dimeriahkan dengan persembahan istimewa daripada Sri Dasmesh Pipe Band Malaysia yang menampilkan muzik tradisi dengan penuh semangat dan berprestij.

Antara tetamu kehormat yang hadir termasuk bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, pesara polis CP Dato’ Sri Amar Singh Ishar Singh, Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Kontinjen Kuala Lumpur merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, SAC Ravindar Singh Sarban Singh, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, SAC Gurcharan Singh Udham Singh dan Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, ACP Balveer Singh Mahindar Singh.

KPN HADIR TAKLIMAT PRK DAN PERJUMPAAN BERSAMA WARGA BATALION 3 PGA

Tapah, 19 April 2025 - Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain, telah menghadiri Taklimat Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.48 Ayer Kuning dan mengadakan sesi perjumpaan bersama warga Batalion 3, Pasukan Gerakan Am (PGA) di Kem Bidor, Perak.

Ketibaan Tan Sri Razarudin sekitar jam 9.00 pagi telah disambut oleh Pengarah Cawangan Khas, CP Dato’ Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail bersama Ketua Polis Perak, CP Dato’ Noor Hisam Nordin.

Lawatan bertujuan untuk meninjau sendiri kesiapsiagaan dan tahap persediaan pasukan dalam menghadapi PRK di samping memberi kata-kata semangat kepada anggota yang bertugas di lapangan.

Dalam sesi taklimat, Tan Sri Razarudin diberi penerangan oleh Ketua Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Kontinjen Perak, SAC Zairulnizam Mohd Zainuddin @ Hilmi mengenai penugasan, logistik, pengurusan keselamatan kawasan dan langkah-langkah kawalan sepanjang tempoh PRK berlangsung.

Dalam lawatan yang diadakan, Tan Sri Razarudin turut meluangkan masa bertemu dengan warga Batalion 3 PGA dan menyampaikan amanat kepada petugas-petugas PRK untuk memastikan proses pilihan raya berjalan dengan lancar.

“Adalah penting bagi setiap petugas untuk meningkatkan pematuhan disiplin, keterampilan diri, memahami skop tugas dan bidang kuasa yang dipertanggungjawabkan serta memastikan integriti, telus, adil juga profesionalisme menjadi pegangan utama dalam setiap aspek penugasan,” ujar beliau.

Beliau juga berbesar hati menyampaikan sumbangan berupa beg sekolah dan wang tunai kepada 17 penerima yang terdiri daripada balu serta anak-anak istimewa warga Batalion 3 PGA.

Hadir sama, Timbalan Pengarah PGA, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, DCP Dato’ Mohamad Suzrin Mohd Rodhi, Komander Briged Utara PGA Ulu Kinta, SAC Shahrum Hashim dan Pegawai Pemerintah Batalion 3, PGA Bidor, Superintenden Azhar Hj. Hashim.



Kuala Lumpur, 25 April 2025 - Hampir 120 warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk pegawai awam dan pesara polis beragama Buddha menyertai acara sembahyang khas sempena Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-218 di Buddhist Maha Vihara Brickfields.

Acara keagamaan itu diketuai oleh Ketua Tertinggi Sami Buddha Malaysia, Datuk Dr. K. Sri Dhammaratana Nayaka Maha Thero dengan diiringi Timbalan Pengarah (Forensik/Perancangan Strategik) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Bukit Aman, DCP Datuk Dennis Lim Kwang Keng bersama Penolong Pengarah E3A, Bahagian Ancaman Ekstremis Luar E3, Cawangan Khas Bukit Aman selaku Pengerusi Jawatankuasa Aktiviti Keagamaan Buddha, SAC Goh Saw Khim.

Program yang berlangsung kira-kira dua jam turut disusuli dengan ucapan Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain yang dibacakan oleh DCP Datuk Dennis di Dewan Asoka sebelum majlis penyampaian sumbangan dan cenderahati kepada Datuk Dr. K. Sri Dhammaratana.

Turut diadakan penyampaian sumbangan kebajikan kepada dua penerima iaitu pesara Inspektor Wong Chee Meng dan wakil pesara Sarjan Au Sem Lim, Puan Au Au Fong.

Hadir sama Ketua Penolong Pengarah Bahagian (Perancangan Strategik), Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman, ACP Lai Lee Ching, Penolong Pengarah (D5), JSJ Bukit Aman, ACP Cha Hoong Fong dan rakan media.

HARI POLIS KE-218: KOMUNITI AGAMA KRISTIAN PDRM ANJUR SEMBAHYANG KHAS DI GEREJA ST MARY’S CHATHEDRAL

Kuala Lumpur, 25 April 2025 - Sempena Sambutan Peringatan Hari Polis ke-218, warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang beragama Kristian telah menganjurkan Upacara Sembahyang Khas Agama Kristian bertempat di Gereja St Mary’s Chathedral, Jalan Raja.

Program yang diadakan saban tahun ini turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Pengarah (Teknikal/Operasi) Jabatan Logistik dan Teknologi (JLog) Bukit Aman, DCP Gilbert Philip Layang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Upacara keagamaan tersebut telah dipimpin oleh Paderi, Rev. John Layang.

Selain mengeratkan hubungan silaturrahim antara penganut agama Kristian, majlis yang disertai hampir 150 warga Pasukan itu juga menekankan nilai-nilai kerohanian dan kesejahteraan dalam sanubari setiap pegawai serta anggota PDRM yang hadir ke upacara tersebut.

Turut hadir, pesara, DCP Dato’ Tan Chong Jin dan Ahli Parlimen Seputeh, Puan Teresa Kok Suh Sim.



Tapah, 26 April 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain meluangkan masa menyantuni petugas Pilihan Raya Kecil (PRK), Dewan Undangan Negeri (DUN) N.48 Ayer Kuning.

Ketibaan Tan Sri Razarudin disambut oleh Ketua Polis Perak, CP Dato' Noor Hisham Nordin bersama Ketua Polis Daerah Tapah, Superintenden Johari Yahya di Padang Kawad, Batalion 3 Pasukan Gerakan Am (PGA), Bidor.

Tan Sri Razarudin memulakan lawatan ke Markas Taktikal (MARTEK) PRK DUN N.48 Ayer Kuning di Batalion 3 PGA dan telah ditaklimatkan mengenai penugasan serta keadaan semasa oleh Ketua Cawangan Khas Perak, SAC Hj. Hishamuddin Mohd Amin.

Seusai itu, Tan Sri Razarudin menyantuni petugas di pusat mengundi Sekolah Menengah Kebangsaan Bidor dan Sekolah Menengah Agama Daerah Batang Padang khususnya warga Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Turut hadir mengiringi, barisan Ketua Jabatan Kontinjen Perak, Pegawai Pemerintah Batalion 3 PGA Bidor, Superintenden Azhar Hj. Hashim dan rakan media.



TIMBALAN KPN HADIRI MAJLIS PELANCARAN KAMUS KOMPETENSI TINGKAH LAKU KEPIMPINAN PDRM EDISI PERTAMA 2025

Sintok, 27 April 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menghadiri Majlis Pelancaran Kamus Kompetensi Tingkah Laku Kepimpinan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Edisi Pertama Tahun 2025 yang disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail di Dewan Kuliah Gugusan, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Majlis anjuran PDRM dengan kerjasama UUM itu turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Awang Alik Jeman dan Naib Canselor UUM, Profesor Dato' Dr. Mohd Foad Sakdan.

Pembangunan Kompetensi Tingkah Laku Kepimpinan PDRM dengan kerjasama UUM telah bermula sejak awal tahun 2021. Ia bertujuan untuk membangunkan sistem penilaian kompetensi berdasarkan tingkah laku kepimpinan dan pengurusan dalam PDRM, dengan penekanan kepada perjawatan strategik.

Berucap dalam majlis tersebut, Datuk Seri Saifuddin Nasution berharap agar Kamus Kompetensi Tingkah Laku Kepimpinan PDRM itu menjadi warisan yang bermanfaat kepada pasukan keselamatan negara, seterusnya memperkukuh kedudukan PDRM sebagai sebuah organisasi kepolisan yang dihormati, profesional dan berintegriti tinggi.

Seterusnya, sebagai simbolik pelancaran, Dato' Sri Ayob Khan bersama tetamu kehormat mengiringi Datuk Seri Saifuddin Nasution bagi menandatangani kamus tersebut.

Seusai majlis, Dato' Sri Ayob Khan dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pasukan Polis turut mengiringi Datuk Seri Saifuddin Nasution mengadakan lawatan ke Pusat Penilaian Kompetensi PDRM di Perpustakaan Sultanah Bahiyah. Sesi taklimat berkaitan Penilaian Kompetensi Tingkah Laku Kepimpinan dan Potensi Jawatan Strategik PDRM telah disampaikan oleh Ketua Penyelidik UUM, Profesor Madya Dr. Mohd Faizal Mohd Isa.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UUM, Profesor Dr. Russayani Ismail, Pengarah Pengurusan, CP Dato' Abdul Aziz Abdul Majid, Pengarah Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik, CP Dato' Sri Mohd Yusri Hj. Hassan Basri, Ketua Polis Kedah, CP Dato' Fisol Salleh, para pegawai kanan PDRM serta warga UUM.



TIMBALAN KPN ZIARAH KEBAJIKAN KE ATAS PESARA POLIS

Sungai Buloh, 29 April 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN) DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay meluangkan masa menziarahi pesara polis, Superintenden Zahari Abu Samah yang mengalami *minor stroke* di Hospital Sungai Buloh.

Dalam lawatan yang dilakukan, Dato' Sri Ayob Khan telah menitipkan kata-kata semangat dan sokongan moral selain menyampaikan buah tangan kepada waris.

Pesara Superintenden Zahari menjalani persaraannya pada 2 April 2025 dan berkhidmat di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) sebagai Penolong Pengarah Narkotik (Analisis) JSJN.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Narkotik (Penguatkuasaan/Pencegahan/Kepolisian Am) JSJN, SAC Mohd Zaki Ashar, Ketua Penolong Pengarah Narkotik (Penguatkuasaan/Pencegahan/Kepolisian Am) JSJN, ACP Hj. Ahmad Azwan Hj. Amin Nordin, Penolong Pengarah Pengurusan Hal Ehwal Pesara Polis, ACP Maizatul Akma Ahmed Sabki dan Timbalan Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, DSP Mohd Jumazan Zahir Chek Ismail.



Kuala Lumpur, 1 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain hadir menyerikan Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 yang diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Tan Sri Razarudin yang tiba di pekarangan stadium kira-kira jam 9.15 pagi telah disambut oleh Ketua Polis Daerah Cheras, ACP Aidil Bolhassan sebelum dibawa ke Axiata Arena untuk sambutan tersebut.

Program anjuran Kementerian Sumber Manusia itu telah disempurnakan oleh Perdana Menteri (PM), Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mengangkat tema 'Pekerja Kesuma Bangsa'.

Dalam majlis sama, Dato' Seri Anwar turut melancarkan aplikasi MyFutureJobs bagi membolehkan permohonan pekerjaan dengan pantas dan Kad Pekerja MADANI yang bakal memberi manfaat diskaun sebanyak 10 ke 20 peratus kepada penerima apabila berbelanja di 100 premis pengusaha perniagaan terpilih.

Seusai majlis, Tan Sri Razarudin bersama Timbalan KPN, DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengiringi Dato' Seri Anwar menyantuni para pengunjung yang hadir di pekarangan stadium.



Turut hadir, Timbalan PM I merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan PM II merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Hj. Fadillah Yusof, barisan jemaah menteri bersama timbalan, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Hj. Abdul Aziz, barisan ketua agensi perkhidmatan dan Timbalan Pengarah (Pasukan Gerakan Am) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri & Ketenteraman Awam Bukit Aman, DCP Dato' Mohamad Suzrin Mohd Rodhi serta rakan media.

Putrajaya, 2 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain hadir ke Majlis Sambutan Rasmi Presiden Republik Kosovo ke Malaysia, Dr Vjosa Osmani Sadriu yang berlangsung di Bangunan Perdana Putra.

Ketibaan Dr Vjosa Osmani Sadriu telah disambut Perdana Menteri (PM), Dato' Seri Anwar Ibrahim seterusnya melakukan pemeriksaan kawalan kehormatan utama yang terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja diketuai oleh Ketua Kawalan, Mejar Muhammad Fikri Senan.

Hadir sama ialah Timbalan PM I merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi bersama Timbalan PM II merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Hj. Fadillah Yusof.

Kunjungan Dr Vjosa Osmani Sadriu selama empat hari di sini adalah bagi mengukuhkan lagi kerjasama bilateral dua negara selain membincangkan isu-isu semasa melibatkan bidang perdagangan, pelaburan, pendidikan serta kesalinghubungan antara rakyat.

Seusai majlis, Dato' Seri Anwar yang mengiringi Dr Vjosa Osmani Sadriu turut memperkenalkan barisan menteri kabinet dan pengurusan tertinggi kerajaan.



TIMBALAN KPN

HADIR MAJLIS SAMBUTAN HARI PEKERJA DAN JALINAN KASIH SILATURAHIM CUEPACS TAHUN 2025



Kuala Lumpur, 2 Mei 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay telah menghadiri Majlis Sambutan Hari Pekerja dan Jalinan Kasih Silaturahmi Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Tahun 2025 yang diadakan di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia.

Majlis anjuran CUEPACS itu telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad dan dihadiri oleh wakil kementerian dan jabatan serta pelbagai agensi dalam perkhidmatan awam.

Majlis dimulakan dengan kata aluan oleh Timbalan Presiden II CUEPACS, Tuan Azman Shah Ahmad Abdul Rahman selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur dan diikuti ucapan Presiden CUEPACS, Dato' Dr. Hj. Adnan Mat disusuli ucapatama oleh Dato' Sri Abdul Rahman.

Antara pengisian dalam majlis itu ialah bacaan ikrar oleh semua hadirin dan penyampaian Anugerah Hari Pekerja 2025 mengikut kategori masing-masing.

Majlis turut menyaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Dato' Jana Santhiran Muniyan menerima Anugerah Majikan Prihatin Peringkat Persekutuan CUEPACS bagi tahun 2025.

Hadir sama, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Hj. Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Azman Mohd Yusof dan ahli-ahli CUEPACS.

TIMBALAN KPN

ADAKAN LAWATAN KERJA KE PCIRC JSJK BUKIT AMAN

Kuala Lumpur, 5 Mei 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengadakan lawatan kerja ke Police Cyber Investigation and Response Center (PCIRC), Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) di Bilik Operasi PCIRC, Menara KPJ.

Ketibaan Dato' Sri Ayob Khan telah disambut oleh Pemangku Pengarah JSJK, CP Dato' Muhammed Hasbullah Ali dan Timbalan Pengarah (Siasatan Jenayah Siber) JSJK Bukit Aman, DCP Shamsul Amar Ramli.

Dalam lawatan yang berlangsung lebih kurang dua jam Dato' Sri Ayob Khan telah ditaklimatkan berkaitan sistem yang digunakan PCIRC dalam memantau isu di media sosial berkaitan jenayah, khasnya melibatkan 3R yang disampaikan oleh Pegawai Penyiasat Kanan PCIRC, DSP Ts. Mail Yussof.



KPN PENUHI JEMPUTAN KE PELUNCURAN PELUANG PEKERJAAN DAN PENYERAHAN SURAT TAWARAN PLKI-ECRL

Kuala Lumpur, 6 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain memenuhi jemputan ke Majlis Peluncuran Peluang Pekerjaan dan Penyerahan Surat Tawaran Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI)-Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bagi Fasa Pengoperasian dan Penyelenggaraan (O&M) di Hotel Mandarin Oriental.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook. Terdahulu ketibaan Tan Sri Razarudin disambut Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, DCP Dato' Mohamed Usuf Jan Mohamad bersama Ketua Polis Daerah Dang Wangi, ACP Sulizmie Affendy Sulaiman.

Projek ECRL merupakan antara inisiatif infrastruktur berskala besar yang dijangka merubah landskap pengangkutan negara, khususnya di wilayah Pantai Timur. Fasa O&M yang dijadualkan bermula pada Januari 2027 dijangka mewujudkan lebih 3,200 peluang pekerjaan, dengan 80 peratus daripadanya melibatkan tenaga kerja tempatan.

Sebagai persiapan jangka panjang, seramai 210 penuntut daripada pelbagai institusi pengajian tinggi telah dipilih untuk menjalani latihan intensif selama setahun di Liuzhou, China. Mereka dijamin penempatan pekerjaan bersama ECRL sebaik sahaja tamat latihan.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, barisan Menteri Kabinet dan ketua-ketua jabatan serta agensi Kerajaan Persekutuan.



TIMBALAN KPN

HADIR KE MAJLIS PERASMIAN PENUTUP LATIH AMAL KESELAMATAN NEGARA KEPENGERUSIAN ASEAN 2025



Kuala Lumpur, 7 Mei 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir ke Majlis Penutupan Latih Amal Keselamatan Kepengerusian ASEAN 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Utama Hj. Mohamad Hj. Hasan.

Program anjuran Majlis Keselamatan Negara (MKN) itu bertujuan bagi memastikan kesiapsiagaan agensi-agensi keselamatan negara berada pada tahap tertinggi dalam menghadapi sebarang kemungkinan krisis terutama sepanjang Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 yang akan berlangsung pada 26 dan 27 Mei 2025.

Ia akan menghimpunkan 10 pemimpin negara anggota blok bagi membincangkan isu serantau dan memupuk kerjasama ekonomi selain memperjuangkan prinsip keterangkuman serta kemampunan.

Antara objektif utama latih amal yang dianjurkan adalah memperkukuh pemahaman konsep keselamatan menyeluruh, mengerat kerjasama di antara entiti kerajaan, bukan kerajaan dan komuniti serta memperkukuh daya tahan negara berhadapan situasi keselamatan juga keganasan.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara (Keselamatan Strategik), MKN, CP Dato' Hj. Baharuddin Hj. Ahmad, Timbalan Pengarah (Gerakan), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, DCP M.V Srikumar Madhavan Nair, Ketua Polis Kuala Lumpur (KL), CP Dato' Rusdi Mohd Isa, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Dato' Ir. Ts. Ahmad Izam Osman, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, TPj. (PA) Abdul Wahab Hj. Rahim dan ketua-ketua jabatan serta agensi keselamatan negara.



TIMBALAN KPN

LAWAT KEJOHANAN MENEMBAK IPSC RMP OPEN CHAMPIONSHIP 2025

Putrajaya, 8 Mei 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengadakan lawatan ke Kejohanan Menembak IPSC RMP Open Championship 2025 - Level III di Lapang Sasar Kelab Menembak Sasaran Shapadu, Presint 20.

Beliau disambut oleh Timbalan Pengarah (Pasukan Gerakan Am) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, DCP Dato' Mohamad Suzrin Mohd Rodhi bersama Presiden Kelab Menembak Shapadu, Dato' Seri Hj. Shafiz Dato' Shahrani.

Dalam lawatannya, Dato' Sri Ayob Khan turut meninjau tujuh daripada 18 "stage" kejohanan serta mempamerkan kemahiran menembak pada jarak lima hingga 25 meter.

Turut hadir Presiden Institut Pegawai Kawalan Kebangsaan Malaysia, Tengku Amir Zaki Tengku Abdul Rahman, Pengarah Wilayah IPSC, Tengku Jalil Ibni Tengku Osman, Komander Unit Tindakhas merangkap Pengarah Kejohanan Menembak IPSC RMP Open Championship 2025 - Level III, SAC Hisham Mahmood, Ketua Polis Daerah Putrajaya, ACP Aidi Sham Mohamed dan para pegawai kanan polis.

Kejohanan yang berlangsung selama sembilan hari (3 hingga 11 Mei) itu menghimpunkan para peserta tempatan dan antarabangsa termasuk agensi keselamatan negara.



KPN

RAIKAN 25 BAKAL JEMAAH HAJI PDRM DALAM MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT

Kuala Lumpur, 9 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain, meraikan 25 bakal jemaah haji warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman Tahun 2025 dalam Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat di Dewan Solat Utama, Masjid Bukit Aman.

Tan Sri Razarudin Husain telah disambut oleh Timbalan KPN, DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay bersama Timbalan Pengarah Agama dan Kaunseling, Jabatan Integriti dan Pemuatan Standard (JIPS) Bukit Aman merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur serta Pengerusi Masjid Bukit Aman, DCP Datuk Azhan Abdul Halim. Bacaan Yasin dan doa selamat yang dipimpin Imam Masjid Bukit

Aman, Sarjan Mejar Hj. Razlee Asmat itu diadakan bagi mendoakan keselamatan dan keberkatan para jemaah haji PDRM ke Tanah Suci Mekah agar segala urusan mereka dipermudahkan serta memperoleh haji yang mabrur.

Turut diadakan bacaan tahlil bagi mengenang jasa para perwira PDRM yang telah kembali ke rahmatullah.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, CP Dato' Sri Mohamad Yusri Hj. Hassan Basri, Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah, Timbalan Pengarah (Jenayah Siber), Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman, DCP Shamsul Amar Ramli, para pegawai kanan dan ahli-ahli Persatuan Keluarga Polis (PERKEP).



DKPP 2024: PENGARAH JPJJK DAHULUI SENARAI PENERIMA DARJAH KEPAHLAWANAN PASUKAN POLIS

Kuala Lumpur, 10 Mei 2025 - Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJJK), CP Datuk Wan Hassan Wan Ahmad mendahului senarai penerima Darjah Kehormatan Pasukan Polis (DKPP) tahun 2024 bagi Darjah Kebesaran Pangkat Pertama Panglima Gagah Pasukan Polis (P.G.P.P.) dalam istiadat yang berlangsung di Dewan Tan Sri Abdul Rahman Hashim, Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (PULAPOL KL).

Istiadat penganugerahan yang dijalankan dalam dua sesi itu telah disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail. Tidak ketinggalan, Darjah Kebesaran P.G.P.P. turut disampaikan kepada Pesuruhjaya Polis Sabah, CP Datuk Jauteh Dikun, Ketua Polis (KP) Kedah, CP Dato' Fisol Salleh, Pesuruhjaya Polis Sarawak, CP Dato' Mancha Anak Ata dan KP Johor, CP Datuk M. Kumar S. Muthuvelu.

Hadir sama dalam istiadat tersebut ialah Timbalan MDN, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Awang Alik Jeman dan Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain.

Datuk Seri Saifuddin Nasution turut menyampaikan Darjah Kebesaran Pangkat Kedua Panglima Setia Pasukan Polis (P.S.P.P.) kepada 46 penerima, Darjah Kebesaran Pangkat Ketiga Pahlawan Pasukan Polis (P.P.P.) (80 penerima), Darjah Kebesaran Pangkat Keempat Kesatria Pasukan Polis (K.P.P.) (26 penerima) dan Darjah Kebesaran Pangkat Kelima Bentara Pasukan Polis (B.P.P.) (71 penerima) bagi istiadat yang berlangsung pada sebelah pagi.



Manakala bagi sesi kedua yang berlangsung pada sebelah petang pula, seramai (234) penerima telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Pangkat Pertama P.G.P.P. iaitu KP Pahang, CP Dato' Sri Yahaya Othman, KP Pulau Pinang, CP Datuk Hamzah Hj. Ahmad dan KP Kuala Lumpur (KL), CP Dato' Rusdi Mohd Isa.

Seramai 71 penerima Darjah Kebesaran P.S.P.P. termasuk Ketua Komunikasi Korporat Polis Diraja Malaysia (PDRM), ACP Julina Salehuddin, Darjah Kebesaran Pangkat Ketiga P.P.P. (86 penerima), Darjah Kebesaran Pangkat Keempat K.P.P. (20 penerima) dan Darjah Kebesaran Pangkat Kelima B.P.P. (54 penerima).

Para penerima darjah kebesaran terdiri daripada warga PDRM yang berkecuali atas jasa dan pengorbanan mereka sepanjang berkhidmat dalam Pasukan.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, CP Dato' Sri Mohamad Yusri Hj. Hassan Basri, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran), DCP Dato' Ts. Azizee Ismail, Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, DCP Dato' Mohamad Suzrin Mohd Rodhi, Timbalan KSU (Keselamatan) KDN, Dato' Hj. Abdul Halim Hj. Abdul Rahman, Komandan PULAPOL KL, DCP Alzafny Ahmad dan Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah serta ahli keluarga penerima.



IPSC RMP OPEN CHAMPIONSHIP 2025: IPK TERENGGANU JUARAI KESELURUHAN KEJOHANAN

Putrajaya, 11 Mei 2025 - Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu muncul juara keseluruhan Kejohanan IPSC RMP Open Championship 2025 - Level III, sekali gus membawa pulang Piala Pusingan Ketua Polis Negara selepas berjaya mengenyepikan juara terdahulu Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman. Tempat kedua dan ketiga menjadi milik IPK Selangor dan Briged Sabah, Pasukan Gerakan Am (PGA).

Piala pusingan tersebut disampaikan oleh Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay dan turut menyempurnakan majlis penutup di Lapang Sasar Kelab Menembak Sasaran Shapadu, Presint 20. IPK Terengganu turut cemerlang menerusi Lans Koperal Makhzan Mukhtar yang menjuarai kategori Shoot Off Individual, diikuti Koperal Mohd Hamzi (IPK Perlis) dan Koperal Muhammad Dzulaznan (Briged Sabah). Bagi kategori Shoot Off Team, Briged Sabah muncul sebagai juara, mengenyepikan IPK Terengganu dan IPK Sabah.

Aksi cemerlang turut dipamerkan oleh Lans Koperal Makhzan yang berjaya mempertahankan rekod kejuaraan individu keseluruhannya pada edisi lalu. Manakala penembak Thailand, Nararit Rueangpracha dan Arif E-La, masing-masing bergelar juara kategori Open Individual dan Open Shoot Off.

Pasukan menembak Polis Diraja Malaysia (PDRM) kembali merampas gelaran juara keseluruhan kategori terbuka selepas berjaya menewaskan Angkatan Tentera Malaysia dan Grup Gerak Khas.

Hadiah-hadiah kemenangan telah disampaikan oleh Dato' Sri Ayob Khan kepada para pemenang termasuk Piala Pusingan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) kepada Batalion 22, PGA serta juara kategori VIP Shoot Off yang diketuai Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah.

Berucap dalam majlis tersebut, Dato' Sri Ayob Khan berkata, kejohanan yang dianjurkan merupakan platform bagi memperkukuh kemahiran teknikal Pasukan demi kepentingan tugas. Beliau juga merakamkan penghargaan kepada 24 syarikat penaja atas sokongan dan usaha memupuk kerjasama antara agensi serta industri sukan.

Turut hadir, Presiden Kelab Menembak Shapadu, Dato' Seri Hj. Shafiz Dato' Hj. Shahrani, Presiden National Range Officer Institute Malaysia, Yang Mulia Tengku Amir Zaki Tengku Abdul Rahman serta barisan penaja.

Hadir sama, barisan Pengarah dan Pemangku Pengarah PDRM, Timbalan Ketua Polis Selangor, DCP Mohd Zaini Abu Hassan, Panglima Divisyen Keempat Infantri Malaysia, Mejar Jeneral Dato' Khairul Azmizal Ahmad Natal, Timbalan Pengarah KDNKA (PGA) DCP Dato' Mohamad Suzrin Mohamad Rodhi, Timbalan Pengarah KDNKA (Gerakan), DCP M.V Srikumar Madhavan Nair serta Komander Unit Tindakhas, Pasukan Gerakan Khas merangkap Pengelola Sukan Menembak PDRM, SAC Hisham Mahmood.



KPN ADAKAN LAWATAN KERJA KE KONTINJEN SABAH

Kota Kinabalu, 13 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IIG Tan Sri Datuk Seri Panglima Razarudin Husain telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah.

Ketibaan Tan Sri Datuk Seri Panglima Razarudin telah disambut oleh Pesuruhjaya Polis Sabah (PJP), CP Datuk Jauteh Dikun, sebelum dibawa untuk melakukan pemeriksaan kawalan kehormatan utama yang terdiri daripada tiga pegawai dan 102 anggota dari Batalion 16 Pasukan Gerakan Am Sabah, yang diketuai oleh Pegawai Pemerintah Baris, DSP Salihan Lem Matin.

Dalam lawatan tersebut, Tan Sri Datuk Seri Panglima Razarudin telah menyampaikan amanat kepada warga kerja Kontinjen Sabah dalam satu perhimpunan ringkas yang diadakan di Auditorium IPK Sabah.

Beliau telah menzahirkan penghargaan atas khidmat bakti warga Polis Kontinjen Sabah dan kehadiran beliau ke negeri tersebut juga adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim bersama pucuk pimpinan tertinggi Polis Diraja Malaysia.

"Saya percaya, pelbagai perancangan ke arah memperkasa tahap keselamatan di negeri Sabah dan sedang dilaksanakan di bawah kepimpinan strategik Datuk PJP Sabah serta warga kerjanya yang progresif."

"Atas kejituan tekad dan iltizam seluruh warganya, bagi tempoh Januari hingga April 2025, Jenayah Indeks telah mencatatkan penurunan kepada 1,254 kes berbanding 1,534 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2024. Tahniah dan syabas saya ucapkan.", ujar beliau.

Beliau turut mengingatkan warga kerja Kontinjen Sabah supaya memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan sentiasa berdiri teguh serta ampuh dengan ikrar taat setia kepada Pasukan yang bernaung di bawah panji 'Sang Saka Biru' dalam menjaga keselamatan negara dan kesejahteraan masyarakat.

Turut hadir dalam lawatan yang diadakan ialah Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah, Timbalan Pengarah Jabatan KDNKA (WCB/PSK), SAC Mohammad Azlin Hj. Sadari, Komander Briged Sabah Pasukan Gerakan Am, SAC Datuk Abdul Rani Alias dan Ketua Komunikasi Korporat PDRM, ACP Julina Salehuddin.



KPN TINJAU PEMBINAAN FASA AKHIR MUZIUM POLIS NEGERI SABAH

Kota Kinabalu, 13 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Datuk Seri Panglima Razarudin Husain mengadakan lawatan ke bangunan Muzium Polis Negeri Sabah bagi meninjau perkembangan fasa akhir pembinaan.

Muzium yang terletak di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah ini dibangunkan dengan menukar fungsi sebuah bangunan pentadbiran lama di IPK Sabah yang tidak lagi digunakan.

Bangunan berkenaan kini dalam proses ubah suai untuk dijadikan pusat informasi serta penceritaan sejarah kepolisan di negeri Sabah, la dijangka beroperasi dan dibuka kepada orang ramai pada akhir bulan Julai 2025.

Muzium ini dijangka menjadi satu lagi mercu tanda penting yang bukan sahaja menampilkan sejarah dan evolusi kepolisan di Sabah, malah berperanan sebagai pusat pendidikan dan rujukan kepada masyarakat umum, khususnya generasi muda.

Turut hadir, Pesuruhjaya Polis Sabah, CP Datuk Jauteh Dikun, Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah, Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam(WCB/PSK), SAC Mohammad Azlin Hj. Sadari dan Komander Briged Sabah Pasukan Gerakan Am, SAC Datuk Abdul Rani Alias.



NAHAS TRAK PSP: TIMBALAN KPN BERI PENGHORMATAN TERAKHIR BUAT SEMBILAN WIRA PASUKAN YANG TERKORBAN

Ipoh, 14 Mei 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay memberi penghormatan terakhir mengikut istiadat rasmi Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada sembilan wira Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) di PSP Unit 5, Sungai Senam.

Kesemua keranda jenazah dan jasad yang tiba dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hilir Perak itu ditutupi dengan Jalur Gemilang sebagai tanda penghormatan rasmi Pasukan dan negara atas jasa, pengorbanan serta khidmat bakti yang telah mereka curahkan.

Mendiang Sarjan Perumal Sugunanathan (44) tahun, Allahyarham Sarjan Mohd Roslan Abd Rahim (46), Allahyarham Koperal Mohd Pozli Jaudin (41), Mendiang Koperal Nurit Pandak (34), Allahyarham Koperal Amiruddin Zabri (38), Allahyarham Koperal Mohamad Hilmi Mohd Azlan (38), Allahyarham Koperal Akmal Muhamad (35), Allahyarham Lans Koperal Damarrulan Abdul Latif (33) dan Allahyarham Konstabel Akmal Wafi Annuar (28) terkorban akibat kecederaan parah dalam insiden kemalangan melibatkan sebuah lori dengan trak PSP di Jalan Chikus - Sungai Lampam, Teluk Intan.

Lapan mangsa masih mendapatkan rawatan di Hospital Teluk Intan manakala seorang lagi ditempatkan di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh untuk pembedahan.

Tujuh jenazah anggota yang beragama Islam kemudiannya dibawa ke Surau Ar-Rahman untuk disembahyang sebelum dibawa ke kampung halaman masing-masing untuk dikebumikan. Solat jenazah telah dipimpin oleh Ustaz Ahmad Kamil Ibrahim dari Bahagian Agama dan Kaunseling, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak.

menyaksikan perjalanan terakhir para wira negara itu dalam keadaan penuh hiba. Sesungguhnya pemergian mereka merupakan satu kehilangan besar buat Pasukan dan negara. Segala jasa dan pengorbanan akan sentiasa dikenang dan dihargai sepanjang zaman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Hj. Nasarah, Pengarah Pengurusan, CP Dato' Abdul Aziz Abdul Majid, Ketua Polis Perak, CP Dato' Noor Hisam Nordin, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran), DCP Dato' Ts. Azizee Ismail, Komander 69 Komando, SAC Hamzah Hashim, barisan ketua jabatan IPK Perak dan Ketua Polis Daerah Hilir Perak, ACP Dr. Bakri Hj. Zainal Abidin.



Beaufort, 14 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Datuk Seri Panglima Razarudin Husain meluangkan masa mengadakan ziarah kebajikan pegawai kanan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Beaufort, ASP Akhiruddin Mohd Nowani di kediamannya dekat Taman Foh Sang.

Ziarah yang turut diiringi isteri merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Puan Seri Datin Seri Panglima Datuk Zainah Othman itu sempena lawatan kerja rasminya selama lima hari di kontinjen tersebut.

ASP Akhiruddin yang sebelum ini menjawat jawatan sebagai Ketua Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Beaufort telah mengalami kecederaan parah akibat kemalangan jalan raya pada tahun 2020 sehingga menyebabkan kelumpuhan kedua-dua belah kaki. Beliau kini masih menjalani rawatan pemulihan secara berperingkat di Hospital Queen Elizabeth I, Kota Kinabalu dan Hospital Beaufort.

Selain memberikan kata-kata semangat, Tan Sri Datuk Seri Panglima Razarudin juga turut menyampaikan sumbangan kebajikan kepada ASP Akhiruddin dan keluarga.

Turut hadir, Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah, Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (Wildlife Crime Bureau/Perisikan Siasatan Khas), SAC Mohammad Azlin Hj. Sadari, Ketua Polis Daerah Beaufort, Superintenden Wong Leong Meng dan para pegawai kanan IPD Beaufort.

KPN DAN PENERUSI PERKEP MALAYSIA LAKUKAN ZIARAH KEBAJIKAN PEGAWAI KANAN IPD BEAUFORT



KPN SANTUNI MANGSA NAHAS KEMALANGAN JALAN RAYA PSP UNIT 5

Hilir Perak, 16 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain mengadakan lawatan kebajikan ke atas enam anggota polis dari Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Unit 5 yang terlibat dalam kemalangan maut di Hospital Teluk Intan (HTI).

Ketibaan Tan Sri Razarudin bersama Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Puan Seri Datin Zainah Othman sekitar jam 2.00 petang telah disambut oleh Pengarah HTI, Dr. Mohd Khairul Baharin Baharudin dan Timbalan Perubatan HTI, Dr. Noor Azira Haron.

Lawatan mereka bermula dengan menziarahi Koperal Mohd Harrisul Ikhsan Mohd Mahabudin dan Koperal Mohammad Zulnaidi Muhammad Zulkifli yang mengalami kecederaan sambil ditemani ahli keluarga masing-masing.

Seusai itu, Tan Sri Razarudin dan isteri meneruskan lawatan ke Wad Unit Rawatan Rapi (ICU) yang menempatkan Sarjan Mazlan Mat, Sarjan Mohd Parih Ali, Koperal Haslizal Mohd Ali dan Koperal Mohd Izwan Hj. Ishak di mana masing-masing mengalami cedera parah di kepala, bahagian bawah badan dan organ dalaman.

Dalam lawatan yang diadakan, Tan Sri Razarudin dan Puan Seri Datin Zainah telah menitipkan kata-kata semangat buat kesemua ahli keluarga dan waris anggota yang terlibat agar tabah menghadapi ujian di samping mendoakan mereka yang cedera diberi kesembuhan daripada kesakitan yang dialami.

Terdahulu, Tan Sri Razarudin berkesempatan mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Hilir Perak dan Balai Polis Teluk Intan untuk beramah mesra bersama pegawai dan anggota polis yang sedang bertugas.

Hadir sama, Komander PSP, SAC Rosli Md. Yusof, Ketua Polis Daerah Hilir Perak, ACP Dr. Bakri Hj. Zainal Abidin, Pengerusi PERKEP Daerah Hilir Perak, Puan Hj. Wan Shamsuria Hj. Wan Idris dan rakan media.





MDN

SEMPURNAKAN PELUNCURAN TIGA BATALION BAHARU PGA

Datuk Seri Saifuddin Nasution kemudiannya menyempurnakan pemakaian lencana tersebut kepada ketiga-tiga Pegawai Pemerintah Batalion, iaitu Superintenden Hairulnizam Rashid (Batalion 21 PGA Keningau), Superintenden Norman Chendan Philip (Batalion 22 PGA Kunak) dan Superintenden Frediel Nyambong (Batalion 23 PGA Sri Aman).

Dalam majlis itu, para tetamu turut disajikan dengan pertunjukan khas iaitu Counter Insurgency Warfare (CIW), Close Quarter Battle (CQB) dan Atur Gerak Public Order Riot Unit (PORU).

Hadir sama, Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, CP Dato' Sri Muhammed Hasbullah Ali, Timbalan Pengarah (Teknikal/Operasi) Jabatan Logistik dan Teknologi Bukit Aman, DCP Gilberd Philip Layang, Komander Eastern Sabah Security Command, DCP Datuk Victor Sanjos, Komander Briged Sabah PGA, SAC Datuk Abdul Rani Alias dan Komander Pasukan Simpanan Persekutuan, SAC Rosli Md. Yusof serta para pegawai kanan.



Kota Kinabalu, 18 Mei 2025 - Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menyempurnakan Majlis Peluncuran Batalion 21 Pasukan Gerakan Am (PGA) Keningau dan Batalion 22 PGA Kunak di Sabah serta Batalion 23 PGA Sri Aman di Sarawak, bertempat di Briged Sabah PGA.

Ketibaan beliau sekitar jam 9 pagi disambut oleh Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Datuk Seri Panglima Razarudin Husain bersama Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri & Ketenteraman Awam (KDNKA), CP Dato' Sri Azmi Abu Kassim merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur.

Datuk Seri Saifuddin Nasution kemudiannya melakukan pemeriksaan kawalan kehormatan terdiri daripada tiga pegawai dan 102 anggota Batalion 16 PGA Kota Kinabalu yang diketuai oleh DSP Jayson Jason Japary selaku Pegawai Pemerintah Baris.

Berucap dalam majlis tersebut, Datuk Seri Saifuddin Nasution menekankan bahawa penubuhan ketiga-tiga batalion baharu itu merupakan manifestasi komitmen Kerajaan dalam memperkukuhkan pelan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) demi melindungi rakyat dan mengekalkan kedaulatan negara.

Tambahnya, PGA adalah salah satu elemen di bawah Jabatan KDNKA yang menjadi teraju utama dalam menjaga dan mengawal keselamatan sempadan darat negara.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Razarudin dalam ucapannya pula merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan, khususnya Datuk Seri Saifuddin Nasution atas sokongan berterusan dalam memperkasa PDRM sebagai agensi keselamatan utama negara.

Terdahulu Tan Sri Datuk Seri Panglima Razarudin dengan diiringi Timbalan Pengarah (PGA) Jabatan KDNKA Bukit Aman, DCP Dato' Mohamad Suzrin Mohamad Rodhi telah menyempurnakan penyematan lencana pengenalan Tiger Platoon kepada Dato' Sri Azmi serta Pesuruhjaya Polis Sabah, CP Datuk Jauteh Dikun.

Majlis diteruskan dengan gimik peluncuran iaitu penyerahan lencana rasmi batalion baharu kepada Datuk Seri Saifuddin Nasution oleh sepasukan anggota Tiger Platoon Briged Sabah dengan menggunakan helikopter jenis AW139 milik Pasukan Gerakan Udara.

LIMA'25: PAMERAN DWITAHUNAN TEKNOLOGI PERTAHANAN DAN KESELAMATAN DUNIA RASMI DIBUKA HARI INI



Langkawi, 20 Mei 2025 - Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2025 (LIMA'25) secara rasminya dibuka dan telah disempurnakan oleh Perdana Menteri (PM), Dato' Seri Anwar Ibrahim di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC).

Beliau diiringi Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Hj. Muhammad Sanusi Md Nor dan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Majlis Perasmian Pembukaan LIMA'25 turut dihadiri Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain bersama isteri merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis Malaysia, Puan Sri Datuk Zainah Othman.



Simbolik pembukaan pameran menyaksikan pertunjukan udara penuh mendebarkan oleh pesawat F/A-18D Hornet dan Sukhoi SU-30MKM milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di ruang udara MIEC dengan ditonton ribuan pengunjung termasuk delegasi tempatan serta antarabangsa.

Turut menyaksikan pertunjukan itu ialah Timbalan PM I merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi serta Timbalan PM II merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Hj. Fadillah Yusof.

Hadir sama, Menteri Komunikasi, Datuk Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Datuk Hj. Mohd Nizam Hj. Jaffar, barisan Pengarah Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta kepimpinan tertinggi agensi penguatkuasaan dan keselamatan negara.

Pada sebelah petang, Tan Sri Razarudin sekali lagi menyaksikan persembahan udara oleh pasukan aerobatik iaitu TUDM, Jupiter Aerobatic Team dari Indonesia dan Russian Knights dari Rusia yang mempersembahkan pelbagai aksi formasi dan manuver di ruang udara Pulau Lagenda itu.

Turut hadir ke persembahan itu ialah Ketua Polis Kedah, CP Dato' Fisol Salleh dan Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah.

PDRM turut menyertai LIMA'25 ini dengan mengetengahkan pelbagai elemen dan aset termasuk helikopter AW139 dan AS355 dari Pasukan Gerakan Udara, Pasukan Polis Marin, Cawangan Persenjataan Bukit Aman serta Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman.

LIMA'25:

KPN SAKSI MoU KERJASAMA SME ORDNANCE SDN. BHD. DAN WILAYAH ARMS SDN. BHD.

Langkawi, 20 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain menjadi saksi memorandum persefahaman (MoU) di antara SME Ordnance Sdn. Bhd. dan Wilayah Arms Sdn. Bhd. dekat Chalet Industri Aeroangkasa dan Pertahanan Nasional di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC).

Sesi menandatangani MoU melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Shah Eikhmarizan Tan Sri Mohd Shahrom yang mewakili SME Ordnance Sdn. Bhd. bersama Pengarah Urusan, Wilayah Arms Sdn. Bhd., Dato' Seri Hj. Shafiz Dato' Hj. Shahrani. Melalui perjanjian tersebut, Wilayah Arms Sdn. Bhd. akan memperoleh sebanyak 4.7 juta butir peluru berkaliber 9mm daripada SME Ordnance Sdn. Bhd. bagi menyokong keperluan perkhidmatan yang dijalankan oleh syarikat khususnya dalam penggunaan senjata api.

Terdahulu, Tan Sri Razarudin telah hadir ke sesi MoU di antara MILDEF International Technologies Sdn. Bhd. bersama Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) yang disaksikan oleh Perdana Menteri (PM), Dato' Seri Anwar Ibrahim seusai selesai majlis perasmian pembukaan Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (2025).

MoU ini melibatkan Pengarah Urusan MILDEF, Dato' Sri Mohd Nizam Kasa bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Lokman Hakim Ali yang mewakili STRIDE.

Turut hadir, Timbalan PM I merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi bersama Timbalan PM II merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Hj. Fadillah Yusof, Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Datuk Hj. Mohd Nizam Hj. Jaffar.



LIMA'25:

TIMBALAN KPN TINJAU RERUAI INOVASI KESELAMATAN DAN PERTAHANAN

Langkawi, 20 Mei 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay meluangkan masa meninjau reruai inovasi keselamatan dan pertahanan sempena Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA'25) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC).

Lawatan bertujuan melihat lebih dekat teknologi dan sistem terkini dalam industri pertahanan, keselamatan dan aeroangkasa di samping mengukuhkan hubungan strategik antara Polis Diraja Malaysia dan rakan industri pertahanan dalam dan luar negara. Antara reruai yang dilawati termasuk pempamer dari sektor teknologi taktikal, komunikasi keselamatan, sistem pengawasan, serta penyedia peralatan taktikal dan ketenteraan dari pelbagai negara yang menyertai pameran berprestij itu.

Dato' Sri Ayob Khan turut tidak melepaskan peluang merasai pengalaman menaiki pesawat Dornier 28 keluaran syarikat Hindustan Aeronautics Limited (HAL) dari India yang dipamerkan di MIEC.

Hadir sama mengikuti lawatan beliau adalah Pengarah Pengurusan, CP Dato' Abdul Aziz Abdul Majid, Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi, CP Dato' Seri Shabudin Abd. Manan dan Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Pentadbiran), SAC Datuk Mohd Sukri Kaman.



LIMA'25:

KPN SAMBUT KEBERANGKATAN TIBA YANG DI-PERTUAN AGONG DI LIA

Langkawi, 21 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain hadir menyambut keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim di Kompleks Lang Merah, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LIA).

Baginda yang berangkat ke Pulau Legenda bersempena Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA'25), turut disambut oleh Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hj. Mohamed Khaled Nordin bersama timbalannya, Tuan Adly Zahari dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Datuk Hj. Mohd Nizam Hj. Jaffar.

Dalam lawatan yang diadakan, Tan Sri Razarudin telah mengiringi Sultan Ibrahim mencemar duli ke Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri untuk melihat dengan lebih dekat perkembangan serta teknologi semasa bagi keperluan pasukan keselamatan dan pertahanan negara di reruai yang disediakan.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), CP Dato' Sri Azmi Abu Kassim, Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, CP Dato' Sri Muhammed Hasbullah Ali, Ketua Polis Kedah, CP Dato' Fisol Salleh dan Timbalan Pengarah (Pasukan Gerakan Am) Jabatan KDNKA, DCP Dato' Mohamad Suzrin Mohamad Rodhi serta Timbalan Pengarah (Teknikal/Operasi) Jabatan Logistik dan Teknologi, DCP Gilbert Philip Layang.



LIMA'25: DEMONSTRASI PDRM

MENUMPASKAN PENGGANAS CURI TUMPUAN DI LIMA'25



Langkawi, 21 Mei 2025 - Suasana tenang di perairan berhampiran Resort World Langkawi bertukar cemas apabila sebuah bot pelancong tiba-tiba dipintas oleh sebuah lagi bot dinaiki empat individu bersenjata, dipercayai 'pengganas'. Insiden itu menyaksikan penculikan seorang pelancong berstatus orang kenamaan bersama pengawal peribadinya.

Kejadian 'cemas' itu segera dilaporkan oleh orang awam kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah. Pihak polis segera mengaktifkan Crisis Management Team dan Crisis Response Team bagi menangani situasi berisiko tinggi tersebut.

Hasil risikan Cawangan Khas IPK Kedah, lokasi persembunyian 'pengganas' dan tebusan berjaya dikesan, dipercayai melibatkan kegiatan jenayah rentas sempadan.

Pasukan khas PDRM yang terdiri daripada 69 Komando, Pasukan Gerakan Khas dan Unit Tindakhas (UTK) digerakkan untuk menjalankan operasi penyusupan secara selaman taktikal ke tempat persembunyian 'pengganas' yang dikenalpasti sebagai lokasi Final Assault Position. Operasi serbuan dramatik itu kemudiannya mencetuskan 'pertempuran' yang penuh aksi tembakan dan letupan telah memukau para pengunjung LIMA'25 yang menyaksikannya secara langsung.

Demonstrasi itu berjaya menumpaskan 'pengganas' dan menyelamatkan tebusan dengan pantas dan profesional, sekali gus mempamerkan tahap kesiapsiagaan tinggi pasukan keselamatan negara dalam menghadapi ancaman keganasan.

Operasi itu turut dijayakan oleh Pasukan Polis Marin (PPM), Pasukan Gerakan Udara (PGU), Pasukan Gerakan Am serta sokongan taktikal dari Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi. Unit Dron PGU dengan menggunakan DJI Matrice 300 yang turut memainkan peranan penting dalam tinjauan awal dan koordinasi serbuan.

Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain, yang hadir menyaksikan demonstrasi tersebut, memuji kepakaran dan kecekapan pasukan keselamatan serta keupayaan aset seperti bot Rigid-Hulled Inflatable Boat milik PPM dan helikopter AW139 serta AS355 milik PGU.

Terdahulu, pengunjung LIMA'25 disajikan dengan pertunjukan kemahiran maritim oleh warga PDRM yang mempersembahkan aksi "maneuver" dan teknik *figure of eight*, menggunakan aset laut canggih.

Pada hari kedua berlangsungnya LIMA'25, Tan Sri Razarudin mengambil kesempatan melawat reruai milik Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta agensi keselamatan lain yang mengambil bahagian dalam acara antarabangsa itu.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Dalam Negeri (KDN), YBhg. Tuan Fakhru Razi Ab Wahab, barisan Pengarah PDRM, serta ketua agensi di bawah KDN.



LIMA'25:

KPN SANTUNI PETUGAS PDRM DI PULAPOL LANGKAWI

Langkawi, 22 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain menyantuni para petugas Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditempatkan di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Langkawi sempena Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2025 (LIMA'25).

Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Polis Kedah, CP Dato' Fisol Salleh bersama barisan kepimpinan kontinjen negeri.

Tan Sri Razarudin meluangkan masa kira-kira 30 minit bagi meninjau kemudahan dan kelengkapan yang disediakan untuk keselesaan 550 petugas di pusat latihan tersebut.

Lawatan itu turut mencerminkan penghargaan Tan Sri Razarudin terhadap komitmen dan semangat pegawai dan anggota PDRM dalam melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi sepanjang tempoh LIMA'25.

Turut hadir, Timbalan Pengarah (Pasukan Gerakan Am), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, DCP Dato' Mohamad Suzrin Mohamad Rodhi, Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah, Komander Unit Tindakhas, SAC Hisham Mahmood, Komander 69 Komando, SAC Hamzah Hashim, Komandan PULAPOL Langkawi, ACP Mohd Junaidi Mat Akhir serta Ketua Polis Daerah Langkawi, ACP Shariman Ashari.

LIMA'25:

TIMBALAN KPN TERUSKAN LAWATAN KE RERUAI PAMERAN


Langkawi, 23 Mei 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengadakan membuat lawatan ke reruai Pameran Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2025 (LIMA'25) yang berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri.

Antara reruai yang dilawati beliau ialah LUNAS Langkawi Shipyard Sdn. Bhd., Hindustan Aeronautics Limited (HAL), Agensi Hindustan Aeronautics Limited, MILDE Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan tidak ketinggalan juga reruai Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Beliau turut tidak melepaskan peluang melihat aksi persembahan udara yang memukau dari pasukan Hindustan Aeronautics Limited (HAL) di samping merakamkan kenangan bersama pesawat dari negara Itali dan Tentera Udara Diraja Malaysia.

Seusai lawatan Tentera Udara Diraja Malaysia telah meluangkan masa aset melawati Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di Resort World Langkawi, Tanjung Malai bagi melihat dengan lebih dekat sistem dan kelengkapan peralatan kapal terkini iaitu KM Tun Fatimah yang digunakan APMM.

Turut hadir, Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Kontinjen Kedah, SAC Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal, para pegawai kanan (PDRM) dan APMM.



HARI POLIS KE-218: SEMBAHYANG KHAS AGAMA HINDU PUPUK PERPADUAN WARGA PDRM

Kuala Lumpur, 23 Mei 2025 - Sempena Sambutan Hari Polis Ke-218, warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang beragama Hindu telah mengadakan sembahyang khas di Kuil Sri Maha Muniswarar di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.

Majlis keagamaan yang bermula pada jam 3.00 petang itu diketuai oleh Timbalan Pengarah (Kepolisian Am/Kepolisian Komuniti) Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, DCP Dato’ Kumaran Karuppannan, selaku Pengerusi Jawatankuasa.

Hampir 500 warga PDRM beragama Hindu dari Bukit Aman dan sekitar Lembah Klang hadir ke upacara keagamaan tersebut. Ia bertujuan memohon kesejahteraan negara dan keselamatan anggota serta memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan warga Pasukan.

Majlis yang diadakan juga melambangkan semangat hormat-menghormati dan kepelbagaian budaya yang menjadi asas kepada keharmonian dalam pasukan PDRM secara keseluruhan.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Timbalan Pengarah (Gerakan) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, DCP M.V Srikumar Madhavan Nair, Penolong Pengarah E1, Cawangan Khas, SAC G. Seetha Davi M. Govindan, pesara Polis, CP Dato’ Narenasegaran Thangaveloo dan pesara Polis, DCP Dato’ Manoharan Kanapathy.



NAHAS TRAK PSP: KPN SEMPURNAKAN MAJLIS SERAH SUMBANGAN KEPADA BALU, WARIS DAN MANGSA

Ipoh, 25 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain, menyempurnakan majlis penyerahan sumbangan kepada balu, waris dan mangsa nahas kemalangan jalan raya membabitkan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Unit 5, Sungai Senam di Mes Pegawai Kanan, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak.

Ketibaan Tan Sri Razarudin disambut oleh Ketua Polis Perak, CP Dato’ Noor Hisam Nordin di pekarangan Mes IPK Perak.

Berucap dalam majlis diadakan, Tan Sri Razarudin berkata, keluarga atau waris anggota yang terkorban telah menerima sumbangan wang tunai berjumlah lebih RM46,000, manakala mangsa yang mengalami kecederaan menerima sumbangan dianggarkan lebih RM11,000.

“Selain itu, suka untuk saya kongsi bahawa balu atau waris mangsa yang meninggal dunia turut menerima RM25,000 setiap seorang daripada Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara yang telah dikreditkan pada 23 Mei 2025,” ujarnya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang menyalurkan sumbangan, termasuk Badan Kebajikan dan Khairat Kematian Kontinjen Perak, IPK Johor, Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad, Yayasan Insan Sakan, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd. dan Enforcement Leadership and Management University.

Majlis turut dihadiri Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Puan Sri Datuk Zainah Othman, Pengarah Jabatan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri & Ketenteraman Awam PDRM (KDNKA), CP Dato’ Sri Azmi Abu Kassim dan isteri merangkap Pengerusi PERKEP Jabatan KDNKA, Datin Sri Sharifah Rodziah Syed Agil, Ketua Polis Johor, CP Datuk M. Kumar S. Muthuvelu, Pengerusi PERKEP Kontinjen Perak, Datin Noormawati Abdul Latip, barisan wakil penyumbang dan rakan-rakan media.



PDRM HARGAI SUMBANGAN MEDIA, 30 PETUGAS TERIMA PENGHARGAAN KPN

Kuala Lumpur, 26 Mei 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain meraikan 30 petugas media dalam sebuah majlis apresiasi yang berlangsung di Mes Pegawai Kanan, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Surat Penghargaan Khas kepada wakil-wakil media cetak dan elektronik yang telah banyak menyokong serta menzahirkan peranan PDRM dalam pelaporan mereka.

Terdahulu, ketibaan Tan Sri Razarudin telah disambut oleh Timbalan KPN, DIG Dato’ Sri Ayob Khan Mydin Pitchay bersama Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, CP Dato’ Sri Mohd Shuhaily Mohd Zain serta Pengarah Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik, CP Dato’ Sri Mohd Yusri Hj. Hassan Basri sebelum dibawa ke dewan acara.

Berucap dalam majlis itu, Tan Sri Razarudin menekankan bahawa hubungan erat antara PDRM dengan media adalah berteraskan tanggungjawab bersama dalam menyampaikan maklumat yang tepat, telus dan berintegriti kepada masyarakat. “Platform media mempunyai kuasa unik yang mampu melangkaui batas fizikal, mempengaruhi pemikiran serta memenangi hati masyarakat untuk memperkukuh keselamatan dan keamanan negara,” ujarnya.

Beliau turut menzahirkan harapan agar PDRM terus mengambil pendekatan terbuka bersama pengamal media selaras dengan tema, “Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada”.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, CP Dato’ Sri Muhammed Hasbullah Ali, Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, DCP Mat Zani @ Mohd Salahuddin Che Ali, Ketua Polis Kuala Lumpur, CP Dato’ Rusdi Mohd Isa, Timbalan Pengarah Cawangan Khas II, CP Normah Ishak, barisan Timbalan Pengarah PDRM, Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato’ Kamaruzaman Abdullah dan Ketua Komunikasi Korporat PDRM, ACP Julina Salehuddin.





JSJ TONGGAK KECEMERLANGAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG NEGARA

Kuala Lumpur, 28 Mei 2025 - Kejayaan berterusan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), dalam memerangi pelbagai bentuk jenayah kompleks menegaskan peranannya sebagai tunjang utama dalam penguatkuasaan undang-undang negara, demikian menurut Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain dalam ucapan beliau sempena Perhimpunan Bulanan bagi Mei 2025 yang dianjurkan oleh JSJ di Dataran Kompleks 3, Bukit Aman.

Berucap dalam perhimpunan tersebut Tan Sri Razarudin merakamkan penghargaan atas kejayaan berterusan jabatan itu dalam membanteras jenayah kompleks termasuk perjudian haram dan pemerdagangan orang.

Antara kejayaan yang diberi penekanan termasuklah pelaksanaan Operasi Pintas Mega oleh Bahagian Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran secara bersepadu bersama kontinjen seluruh negara, Operasi *Cyber Guardian* yang melibatkan kesalahan seksual kanak-kanak secara atas talian dan Operasi Dadu Khas di mana PDRM telah berjaya merampas 3,646 peranti elektronik termasuk komputer, tablet serta telefon bimbit selain wang tunai melebihi RM1.6 juta.



“Gerakan bersepadu ini memperlihatkan ketegasan JSJ dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk aktiviti jenayah termasuk perjudian haram yang menyalahi undang-undang dan mampu menggugat ketenteraman awam,” ujarnya.

Tan Sri Razarudin juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada petugas PDRM yang terlibat dalam Program Pameran Maritim dan Aeroangkasa Langkawi serta Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 tahun 2025.

Dalam pada itu, beliau turut berbesar hati menyampaikan sijil penghargaan kepada 57 warga PDRM sebagai simbolik pengiktirafan atas sumbangan serta komitmen cemerlang yang dipamerkan.

Hadir sama, Timbalan KPN, DIG Dato’ Sri Ayob Khan Mydin Pitchay, Pengarah JSJ selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, CP Dato’ Sri Mohd Shuhaily Mohd Zain, barisan Pengarah dan Timbalan Pengarah PDRM.

TIMBALAN KPN

HADIR MAJLIS PENUTUP PERSIDANGAN JURUAUDIT ASEAN 2025

Putrajaya, 28 Mei 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato’ Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menghadiri Majlis Penutup Persidangan Juruaudit ASEAN 2025 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

Majlis yang berlangsung sekitar sejam telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato’ Seri Anwar Ibrahim.

Terdahulu ketibaan Dato’ Sri Ayob Khan Mydin Pitchay disambut oleh Ketua Polis Daerah Putrajaya, ACP Aidi Sham Mohamed. Dalam ucapan perasmian penutup Dato’ Seri Anwar menegaskan komitmen Kerajaan Malaysia terhadap pengukuhan tatakelola yang baik serta integriti institusi awam.

Persidangan Juruaudit ASEAN 2025 yang berlangsung selama dua hari bermula (27 Mei hingga 28 Mei) telah menghimpunkan lebih 2,000 juruaudit daripada sektor awam dan swasta termasuk wakil-wakil dari negara ASEAN.

Bertemakan “Pengauditan Inklusif dan Lestari ke Arah ASEAN yang Progresif,” persidangan itu bertujuan memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang pengauditan sektor awam serta menggerakkan agenda tadbir urus yang lebih telus dan bertanggungjawab di peringkat ASEAN.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Audit Negara, Dato’ Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan delegasi dari negara - negara ASEAN.



TIMBALAN KPN

HADIR MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT SEMPENA HARI KEPUTERAAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Kuala Lumpur, 29 Mei 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato’ Sri Ayob Khan Mydin Pitchay telah menghadiri Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim yang berlangsung di Masjid Mu’adz Bin Jabal.

Keberangkatan tiba disambut oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato’ Sri Hj. Fadillah Hj. Yusof.

Majlis penuh keberkatan itu turut diserikan dengan kehadiran beberapa kenamaan negara, antaranya Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Mohamed Khaled Nordin, Yang Di-Pertua Dewan Negara, Senator Dato Awang Bemee Awang Ali Basah, Yang Di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dato’ (Dr.) Johari Abdul, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dato’ Setia Dr. Hj. Mohamad Na’im Hj. Mokhtar dan Menteri Besar Johor, Dato’ Onn Hafiz Dato’ Ghazi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yasin dan doa selamat yang dipimpin oleh Imam Besar Masjid Negara, Tuan Hj. Ehsan Mohd Hosni sebagai tanda kesyukuran dan doa memohon keberkatan untuk baginda serta keamanan negara.

Terdahulu, Dato’ Sri Ayob Khan bersama para jemaah menunaikan solat fardhu Asar disertai Qunut Nazilah bagi memohon perlindungan Allah SWT daripada sebarang musibah.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah Cawangan Khas I Bukit Aman, CP Datuk Ts. Ahmad Ramdzan Daud, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran) Bukit Aman, DCP Dato’ Ts. Azizee Ismail, Ketua Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Kuala Lumpur, SAC Khalid Saion serta warga Polis Diraja Malaysia sekitar Lembah Klang.



TIMBALAN KPN

HADIR KHUTBAH KHAS DAN SOLAT JUMAAT SEMPENA HARI KEPUTERAAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Kuala Lumpur, 30 Mei 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato’ Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir di Masjid Negara bagi mendengar khutbah khas dan menunaikan solat Jumaat sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim.

Turut sama mengimarahkan masjid ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dr. Zulkifli Hassan, Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Mohd Asghar Khan Goriman Khan TUDM dan Timbalan Panglima Tentera Darat , Leftenan Jeneral Dato’ Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim.

Khutbah bertajuk “Dirgahayu Tuanku: Raja Dikasihi, Negara Diberkati” telah disampaikan oleh Imam Besar Masjid Negara, Tuan Hj. Ehsan Mohd Hosni yang turut bertindak sebagai imam dan khatib bagi solat Jumaat.

Antara intipati khutbah yang disampaikan termasuk penekanan terhadap kepentingan takwa, ketaatan kepada Allah SWT serta penghargaan terhadap institusi Raja Berperlembagaan sebagai payung agama dan simbol perpaduan negara.

Turut ditekankan kesetiaan kepada Raja sebagai sebahagian daripada tuntutan agama, di samping menyeru agar hubungan erat antara rakyat dan pemimpin terus diperkukuh demi menjamin keamanan dan keharmonian negara.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Dr. Mohamad Kori Jusoh, Timbalan Pengarah (Bahagian Agama dan Kaunseling), Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, DCP Datuk Azhan Abdul Halim, Penolong Pengarah E1A, Cawangan Khas, SAC Dr. Md Rozimi Mohd Nasir, Ketua Polis Daerah Dang Wangi, ACP Sulizmie Affendy Sulaiman serta warga Polis Diraja Malaysia.





TIMBALAN KPN

DIKURNIA DARJAH KEBESARAN P.S.M. SEMPERNA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN RASMI KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG TAHUN 2025

Kuala Lumpur, 2 Jun 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran 'Tan Sri' oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim di Balairong Seri, Istana Negara.

Pengurniaan darjah kebesaran tersebut adalah sempena Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tahun 2025.

Turut berangkat bercemer duli ke istiadat tersebut ialah KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah. Darjah Kebesaran P.S.M. merupakan darjah kelas kedua yang membawa gelaran 'Tan Sri' dan dikurniakan kepada individu yang memberikan sumbangan cemerlang serta jasa bakti besar kepada negara.

Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain turut hadir menyaksikan istiadat tersebut bersama isteri merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Puan Sri Datuk Zainah Othman sebagai penghormatan kepada para penerima darjah kebesaran pada tahun ini.



Majlis istiadat turut menyaksikan Peguam Negara, Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar mengetuai senarai penerima dengan pengurniaan Darjah Panglima Mangku Negara (P.M.N.) diikuti Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Hj. Mohd Nizam Hj. Jaffar yang masing-masing membawa gelaran 'Tan Sri'.

Turut menerima P.S.M. bersama-sama Tan Sri Ayob Khan tadi ialah Hakim Besar Malaya, Tan Sri Hasnah Dato' Mohammed Hashim dan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri (Dr.) Zulhelmy Ithnain.

Tidak ketinggalan juga, Ketua Jabatan Logistik dan Teknologi Kontinjen Sabah, ACP Datin Laila Sagir, Ketua Polis Daerah (KPD) Kota Kinabalu, ACP Kasim Muda dan KPD Putrajaya, ACP Aidi Sham Mohamed masing-masing telah dikurniakan Darjah Kebesaran Kesatria Mangku Negara. Seramai 116 individu menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan pada tahun ini.

Turut hadir dalam istiadat ialah Naib Pengerusi PERKEP Malaysia, Puan Sri Dato' Zalena Mohd Ariffin, Ketua Polis Kuala Lumpur, CP Dato' Rusdi Mohd Isa dan KPD Brickfields, ACP Ku Mashariman Ku Mahmood.



HARI POLIS KE-218:

SERTA PROGRAM MENEMBAK BERSAMA AGENSI SAHABAT DI LAPANG SASAR BRIGED TENGAH

Cheras, 3 Jun 2025 - Sempena Peringatan Hari Polis ke-218, Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain telah menyertai program menembak tahunan yang berlangsung di Lapang Sasar Briged Tengah, Pasukan Gerakan Am (PGA).

Ketibaan beliau disambut oleh Timbalan KPN, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay bersama Timbalan Pengarah (Pelucuthakan Harta/Perundangan/Tahanan) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, DCP Mohd Zani Che Din yang mewakili Pemangku Pengarah JSJN, juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, DCP Mat Zani @ Mohd Salahuddin Che Ali.

Program yang menjadi antara acara utama dalam takwim Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu turut diserikan dengan penyertaan pelbagai jabatan dan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Antara yang hadir termasuk Komisioner Jeneral Penjara, Dato' Hj. Abdul Aziz Abdul Razak, Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia, KPJR Lokman Effendi Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Dato' Mohd Zulfikar Ahmad, Setiausaha Bahagian Kewangan KDN, Tuan Wan Saifulikmal Wan Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Jabatan Imigresen Malaysia, Tuan Ismail Mokhtar, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Laksamana Muda (M) Mohd Zawawi Abdullah, Presiden Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia, Dato' Meor Chek Hussien Mahayuddin serta Pengarah Seksyen Pelaksanaan Operasi, Agensi Pengurusan Bencana, DCP Datuk Mazli Mazlan.

Seramai lebih 60 peserta mengambil bahagian dalam dua kategori pertandingan iaitu individu *centre fire* dan berkumpulan *falling plate*.



Sebelum itu, para peserta menerima taklimat keselamatan daripada Pegawai Turus Persenjataan (Teknikal Ordnans) Jabatan Logistik dan Teknologi Bukit Aman, DSP Wan Zulizzi Wan Muda selaku Pegawai Lapang Sasar.

Program tersebut mencerminkan semangat profesionalisme, kesiapsiagaan taktikal serta jalinan kerjasama erat antara PDRM dengan agensi-agensis sahabat, sejajar dengan aspirasi PDRM sebagai pasukan yang progresif dan responsif terhadap cabaran semasa.

Bagi kategori *falling plate*, Tan Sri Razarudin bersama kumpulannya, Alfa telah dinobatkan sebagai johan dengan mengalahkan sembilan kumpulan lain.

Manakala bagi kategori *centre fire* (individu PDRM), Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, CP Dato' Sri Mohd Yusri Hj. Hassan Basri dan *centre fire* (jemputan luar), Superintenden Azman Madusiman masing-masing menduduki tempat pertama. Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Tan Sri Razarudin dengan diiringi DCP Mohd Zani dan Timbalan Pengarah (Penguatkuasaan/Pencegahan/Kepolisian Am), JSJN, SAC Mohd Zaki Ashar.

Lebih manis, Tan Sri Ayob Khan menyampaikan hadiah kepada Tan Sri Razarudin yang telah memenangi tempat kedua bagi kategori *centre fire* (individu PDRM).

Turut hadir, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, CP Dato' Sri Mohd Shuhaily Mohd Zain, Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, CP Dato' Sri Muhammed Hasbullah Ali, Ketua Polis Selangor, CP Dato' Hussein Omar Khan, Timbalan Pengarah Cawangan Khas I, CP Datuk Ts. Ramdzan Daud dan Timbalan Pengarah (PGA), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, DCP Dato' Mohamad Suzrin Mohamad Rodhi.



PERSIDANGAN PJP/KP/KOMANDER & KOMANDAN: PLATFORM STRATEGIK PERKUKUH DASAR, PERHALUSI GERAK KERJA KE ARAH PACU PRESTASI PASUKAN

Kuala Lumpur, 4 Jun 2025 - Persidangan Pesuruhjaya Polis (PJP)/Ketua Polis (KP)/Komander dan Komandan bilangan 1 tahun 2025 telah diadakan di Dewan Ketua Polis Negara (KPN), Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kuala Lumpur.

Persidangan yang dipengerusikan oleh KPN, IG Tan Sri Razarudin Husain telah dihadiri oleh seluruh pucuk pimpinan peringkat jabatan, negeri, formasi dan institusi latihan dalam Pasukan.

Antara fokus amanat yang disampaikan oleh Tan Sri Razarudin menyentuh tahap kesediaan dan keselamatan aset serta fasiliti, dengan mengambil iktibar kejadian nahas jalan raya melibatkan anggota Unit Lima 5, Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Sungai Senam pada 13 Mei 2025.

Selain itu, beliau turut menekankan aspek pengukuhan sinergi kolaborasi *inter-agency*, pengamal media dan masyarakat yang merupakan medium pengukuhan ke arah kerjasama menerusi perkongsian matlamat dan harapan yang lebih jelas antara kedua-dua entiti.



Dalam pada itu, Tan Sri Razarudin menyeru kepada semua yang hadir supaya memberi penekanan berhubung pematuhan arahan dan prosedur operasi standard (SOP) dalam penugasan dan berharap ia disampaikan kepada segenap lapisan warga Pasukan di seluruh negara.

Dalam amanatnya juga, Tan Sri Razarudin menzahirkan ucapan penghargaan atas kecemerlangan penugasan kawalan keselamatan sepanjang penganjuran bertaraf antarabangsa seperti Pameran Maritim Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2025 (LIMA'25) dan 46th ASEAN Summit yang berlangsung pada Mei 2025.

Agenda persidangan tersebut diteruskan lagi dengan dua sesi pembentangan iaitu berhubung pengukuhan Pusat Respons Penipuan Kebangsaan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, CP Dato' Sri Muhammed Hasbullah Ali serta keberkesanan dan pengukuhan pelaksanaan Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah oleh Timbalan Pengarah (Bahagian Agama dan Kaunseling), Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), DCP Datuk Azhan Abdul Halim.

Dalam majlis yang sama, Tan Sri Razarudin turut berbesar hati menyempurnakan Majlis Peluncuran Aplikasi Aduan JIPS PDRM dengan diiringi oleh Pengarah JIPS, CP Dato' Sri Azri Ahmad.

Aplikasi tersebut merupakan platform digital yang dikendalikan sepenuhnya oleh Cawangan Pengurusan Aduan JIPS Bukit Aman, bertujuan memudahkan masyarakat dalam menyalurkan aduan serta maklumat sekali gus mengelak daripada berlakunya penyebaran info ke saluran yang tidak sah.

Hadir sama dalam persidangan tersebut, Timbalan KPN, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay, Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah bersama barisan Ketua Urus Setia KPN.

Terdahulu, KPN telah berbesar hati menyempurnakan Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia kali ke-53 bagi tahun 2025, yang turut dihadiri oleh Pengerusi PERKEP Malaysia, Puan Sri Datuk Zainah Othman.



TIMBALAN KPN RASMI MESYUARAT AGUNG RESPA KALI KE-41

Cheras, 10 Jun 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay telah merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA) kali ke-41 di Dewan Sultan Haji Ahmad Shah, Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kuala Lumpur (KL).

Ketibaan Tan Sri Ayob Khan disambut oleh Presiden RESPA, Dato' Meor Chek Hussein Mahayuddin dan Komandan Maktab PDRM KL, DCP Dato' Pahlawan Shazeli Dato' Kahar.

Dalam ucapannya, Tan Sri Ayob Khan menzahirkan penghargaan kepada RESPA yang terus aktif memperkasakan peranan pesara polis.

Beliau turut menyatakan bahawa kepimpinan RESPA telah membuka ruang untuk para pesara terus menyumbang, khususnya dalam memperkukuh barisan hadapan Pasukan selaku 'mata dan telinga' PDRM.

"Sebagai penerus generasi Sang Saka Biru, kami amat menghargai pandangan dan nasihat daripada para pesara agar usaha memartabatkan PDRM dapat diteruskan ke mercu kegemilangan," ujarnya.

Tan Sri Ayob Khan turut menyeru ahli-ahli RESPA supaya mengemaskini maklumat peribadi dalam Sistem e-Pesara PDRM bagi memudahkan penyaluran maklumat berkaitan faedah dan ganjaran daripada Kerajaan.

Majlis turut menyaksikan penyerahan sumbangan dana berjumlah RM51,712, hasil kutipan daripada ahli-ahli RESPA kepada waris mangsa Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) yang diwakili oleh Timbalan Komander PSP, ACP Mohd Fadli Daud sambil disaksikan oleh Tan Sri Ayob Khan.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran) DCP Dato' Ts. Azizee Ismail, Ketua Polis Selangor, CP Dato' Hussein Omar Khan, Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Pasukan Gerakan Khas, SAC Anuar Rosdi serta Ketua Pusat Pengajian Sains Pengurusan Krisis dan Bencana Maktab PDRM KL, SAC Ahmad Adnan Basri.



TAN SRI RAZARUDIN DAN ISTERI SANTUNI TIMBALAN PJP SABAH

Johor Bahru, 5 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain bersama isteri, Puan Sri Datuk Zainah Othman merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia hadir menyantuni Timbalan Pesuruhjaya Polis (PJP) Sabah, DCP Datuk Shahurinain Jais di kediamannya dekat Bandar Dato' Onn.

Datuk Shahurinain sebelum ini telah dimasukkan ke Pusat Perubatan Prince Court, Kuala Lumpur akibat serangan strok sehingga menyebabkan kelumpuhan pada bahagian kanan tubuhnya. Beliau kini sedang menjalani rawatan pemulihan secara berperingkat di Hospital Gleaneagles Medini, Iskandar Puteri.

Dalam lawatan yang diadakan, Tan Sri Razarudin telah menyampaikan sumbangan kebajikan kepada Datuk Shahurinain di samping memberi kata-kata semangat dan mendoakan kefiatannya sebagai tanda sokongan kepada beliau dan ahli keluarga.

Turut mengiringi KPN, Ketua Polis (KP) negeri, CP Datuk M. Kumar S. Muthuvelu bersama Pengerusi PERKEP Kontinjen Johor, Datin Shanthi P. Santhanam Pillai.

Hadir sama, Timbalan KP negeri, DCP Abdul Latiff Mehat, Ketua Cawangan Khas Kontinjen Johor, SAC Nor Azizi Maarof, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Johor, SAC Hoo Chuan Huat, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, ACP Raub Selamat, barisan pegawai kanan dan ahli-ahli PERKEP Kontinjen Johor.





TIMBALAN KPN

SAKSI SERAH TERIMA TUGAS PENGARAH JLOG

Kuala Lumpur, 11 Jun 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay telah menjadi saksi bagi serah terima tugas Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi (JLog) dalam sebuah majlis di Dewan Tan Sri Abdul Rahman Hashim, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.

Ia bersempena persaraan wajib Pengarah JLog, CP Dato' Seri Sahabudin Abd Manan yang berkuatkuasa 12 Jun 2025 selepas menabur bakti selama 37 tahun dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Terdahulu, ketibaan Tan Sri Ayob Khan bersama isteri merangkap Naib Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Puan Sri Dato' Zalena Mohd Ariffin disambut oleh Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, DCP Dato' Ts. Azizee Ismail dan Komandan PULAPOL Kuala Lumpur, DCP Alzafny Ahmad.

Tertib majlis dimulakan dengan acara menandatangani dan penyerahan dokumen serah terima tugas serta tongkat kuasa Pengarah JLog antara Dato' Seri Sahabudin dengan Timbalan Pengarah (Teknikal/Operasi) JLog, DCP Gilbert Philip Layang yang kini memangku jawatan tersebut.

Turut berlangsung ialah serah terima tugas Pengerusi PERKEP JLog oleh Datin Seri Nor Aidila Abdul Majid kepada pemangkunya, Puan Siti Manau dengan disaksikan oleh Puan Sri Dato' Zalena.

Berucap dalam majlis itu, Tan Sri Ayob Khan menyifatkan Dato' Seri Sahabudin sebagai seorang pemimpin teknokrat berwibawa yang memainkan peranan penting dalam memodenkan sistem logistik dan teknologi PDRM serta memperkasa kesiapsiagaan Pasukan secara menyeluruh.

"Hari ini Pasukan perlu melepaskan seorang lagi pegawai kanan polis yang berkredibiliti tinggi, pelengkap barisan kepimpinan tertinggi Pasukan, iaitu Dato' Seri Sahabudin. Beliau telah mengemudi JLog dengan penuh komited dan berintegriti selama hampir empat tahun sejak 5 Julai 2021," ujar beliau.

Tan Sri Ayob Khan turut menyampaikan sijil perkhidmatan kepada Dato' Seri Sahabudin dan sesi bergambar sebagai kenang-kenangan.

Hadir sama, barisan Pengarah PDRM, Ketua Polis Selangor, CP Dato' Hussein Omar Khan, Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah, para pegawai kanan, ahli-ahli PERKEP dan rakan media.

Sebagai penghormatan tertinggi Pasukan, Majlis Paluan Berundur kepada Dato' Seri Sahabudin telah diadakan di Dataran Kawad, PULAPOL Kuala Lumpur.



DATO' SERI SAHABUDIN

TINGGALKAN LEGASI GEMILANG SELEPAS 37 TAHUN TERAJUI TRANSFORMASI INOVASI DAN LOGISTIK PDRM



Kuala Lumpur, 11 Jun 2025 - Selepas 37 tahun berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi (JLog), CP Dato' Seri Sahabudin Abd Manan diraikan dalam Majlis Paluan Berundur yang berlangsung di Dataran Kawad, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.

Majlis yang bermula sekitar jam 5.00 petang dimulakan dengan ketibaan Timbalan Ketua Polis Negara, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay bersama isteri merangkap Naib Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Puan Sri Dato' Zalena Mohd Ariffin. Ketibaan mereka disambut dengan Hormat Panglima oleh Kawalan Kehormatan dan Pancaragam Pusat PDRM yang diketuai Timbalan Ketua Pengarah Muzik PDRM, DSP Mesmoro Edward.

Menelusuri perjalanan kerjaya yang bermula pada 5 Jun 1988 sebagai Kadet ASP, Dato' Seri Sahabudin telah memainkan peranan penting dalam membentuk landskap teknologi dan logistik PDRM.

Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik dari University of Pacific, Amerika Syarikat dan Jurutera Penyelenggaraan Pesawat Bertauliah. Kepakaran teknikal dan strategi beliau menjadi tunjang utama kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif berskala besar di peringkat jabatan serta Pasukan.

Antara sumbangan besar beliau kepada Pasukan ialah pembangunan Sistem Lokap Pintar (SMART Lokap), hasil kerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta agensi penyelidikan, MIMOS Berhad iaitu sebuah institut penyelidikan dan pembangunan strategik negara.

Sistem berasaskan analitik video pintar itu direka untuk mengesan tingkah laku agresif, cubaan melarikan diri serta aktiviti mencurigakan di dalam lokap. Pelaksanaannya telah berjaya menurunkan kadar insiden keselamatan di pusat tahanan PDRM. Lebih membanggakan, SMART Lokap turut menerima pengiktirafan antarabangsa apabila memenangi Anugerah Inovasi Perusahaan Asia Pasifik 2015 sempena Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia pada tahun 2016.

Selain cemerlang dalam perkhidmatan, Dato' Seri Sahabudin turut aktif dalam bidang korporat sebagai Pengerusi KOP Mantap Berhad yang merupakan anak syarikat Koperasi PDRM.

Dalam majlis tadi, beliau turut diberi penghormatan sebagai *guest conductor* bagi memimpin Pancaragam Pusat PDRM dengan membawakan lagu *Speak Softly Love*.

Majlis perbarisan perpisahan diakhiri dengan deklamasi sajak bertajuk "Jasamu Dikenang" yang disampaikan khas oleh Ketua Bahagian Integriti dan Pematuhan Standard, Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Selangor, Inspektor Kamarudin Siratang. Sebagai penutup majlis, Dato' Seri Sahabudin bersama isteri dan ahli keluarga dibawa menaiki kenderaan istiadat ke Balai Pengawal untuk menandatangani buku pelawat sebelum beredar meninggalkan majlis.

Turut hadir, barisan Pengarah PDRM, Komandan PULAPOL Kuala Lumpur DCP Alzafny Ahmad, Setiausaha Polis Malaysia SAC Dato' Kamaruzaman.



KPN TERIMA DARJAH UTAMA BAKTI CEMERLANG DARIPADA PRESIDEN REPUBLIK SINGAPURA

Singapura, 12 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain telah dikurniakan Darjah Utama Bakti Cemerlang (Distinguished Service Order) oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dalam satu istiadat rasmi yang berlangsung di The Istana, Orchard Road.

Pengurniaan darjah itu merupakan antara penghormatan tertinggi Kerajaan Singapura kepada tokoh luar negara yang telah menunjukkan komitmen luar biasa, khususnya pencapaian cemerlang Tan Sri Razarudin dalam memperkukuh kerjasama keselamatan serta hubungan dua hala antara Polis Diraja Malaysia dan Pasukan Polis Singapura (SPF).

Sempena lawatan rasmi itu, Tan Sri Razarudin turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Pemangku Pesuruhjaya Polis Singapura, DCP Lian Ghim Hua di Ibu Pejabat SPF, New Phoenix Park.

Beliau bersama isteri yang juga Pengerusi Persatuan Keluarga Polis Malaysia, Puan Sri Datuk Zainah Othman turut menghadiri Majlis Makan Malam Rasmi yang berlangsung di Senior Police Officers' Mess.

Mengakhiri lawatan rasmi ke negara tersebut, Tan Sri Razarudin telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Singapura, H.E. Mr. Lawrence Wong yang berlangsung di The Istana, Orchard Road.

Hadir sama, bekas Ketua Urus Setia KPN (Perhubungan Antarabangsa) Bukit Aman, pesara SAC Dato' Pahlawan Suparamaniam Ramasamy dan ACP Perhubungan Antarabangsa, ACP Loh Pey Pey.



HARI POLIS KE-218: TIMBALAN KPN SANTUNI PESAKIT KANAK-KANAK DI HPKK

Kuala Lumpur, 13 Jun 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menyantuni pesakit di Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ia sebagai acara tahunan dalam kalendar Polis Diraja Malaysia (PDRM) sempena sambutan Hari Polis ke-218. Program anjuran Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) dengan kerjasama pihak HPKK itu bertujuan mendekati pesakit khususnya kanak-kanak yang sedang menjalani rawatan.


Terdahulu, ketibaan Tan Sri Ayob Khan telah disambut oleh Pengarah JSPT merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, CP Dato' Sri Mohd Yusri Hj. Hassan Basri dan Timbalan Pengarah (Surgeri) HPKK, Profesor Madya Datuk Dr. Abdul Halim Abd Rashid.

Dalam ucapannya, Tan Sri Ayob Khan berkata, program sebegini menjadi platform untuk PDRM menzahirkan keprihatinan dan rasa kebersamaan dengan segenap lapisan masyarakat khususnya berkaitan kepentingan kesihatan serta kesejahteraan seisi keluarga.

"Saya percaya, ukhuwah yang terjalin antara polis dan masyarakat merupakan kunci utama dalam usaha memelihara keharmonian dan kesejahteraan masyarakat di tahap tertinggi," ujarnya.

Seusai itu, Tan Sri Ayob Khan bersama delegasi dibawa melawat pesakit di Wad Medikal iaitu Wad Pediatrik 1 yang merawat kanak-kanak berumur antara satu bulan hingga 18 tahun termasuk dua anak warga PDRM yang sedang mendapatkan rawatan.

Sebagai simbol keprihatinan, PDRM telah menyumbangkan 20 unit alat bantu rangka jalan *Mobilis Rised Up Walking Frame* dan 80 unit peranti perubatan *MDI Spacer* (Aerochamber Plus Flow-Vu Antistatic) untuk kegunaan para pesakit yang sedang menjalani rawatan di hospital tersebut.



KPDRM UMUM DIVIDEN TERTINGGI DALAM SEJARAH, RAIH KEUNTUNGAN RM50.14 JUTA

Kuala Lumpur, 13 Jun 2025 - Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPDRM) Berhad terus mencatat kejayaan membanggakan apabila merekodkan keuntungan sebanyak RM50.14 juta bagi tahun kewangan 2024, menunjukkan peningkatan berbanding RM45.02 juta pada tahun sebelumnya.

Perkara itu diumumkan oleh Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain merangkap Yang Dipertua KPDRM dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke-90 KPDRM yang berlangsung di Pacific Ballroom, Hotel Seri Pacific.

Tan Sri Razarudin turut menzahirkan penghargaan terhadap kepercayaan berterusan ahli koperasi yang menjadi pemangkin kepada kejayaan tersebut.

Beliau berkata, peningkatan jumlah keanggotaan berdaftar kepada 119,922 orang berbanding 114,608 pada 2023 telah menyumbang kepada peningkatan modal yuran sebanyak RM586.6 juta dan modal syer sebanyak RM23.04 juta, masing-masing meningkat 4.9 dan 11 peratus.

"Kita amat berbangga kerana tahun ini mencatat sejarah tersendiri apabila dividen sebanyak 5.8 peratus atas modal yuran dan 9.2 peratus atas modal syer diumumkan, menjadikan jumlah agihan keseluruhan sebanyak RM36.14 juta iaitu tertinggi dalam sejarah 97 tahun penubuhan koperasi," katanya.

Lebih bermakna, majlis perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Perdana Menteri (PM), Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai tanda sokongan kerajaan terhadap pembangunan koperasi dan kebajikan warga PDRM di bawah naungan aspirasi Malaysia MADANI.

Dalam ucapannya, Dato' Seri Anwar berkata kerajaan bersetuju menganugerahkan beberapa projek kepada syarikat di bawah KPDRM bagi menambah hasil koperasi serta meningkatkan dividen kepada lebih 100,000 anggota dan pegawai polis selain turut menekankan agar pelaksanaan projek dilakukan secara telus, cekap dan berhemah.

Turut berlangsung dalam majlis yang sama ialah sesi penyampaian pampasan takaful berjumlah RM480,500 kepada tujuh waris anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) yang terkorban dalam nahas tragis pada Mei lalu. Wang pampasan yang diterima oleh waris adalah berdasarkan caruman insurans yang diambil oleh setiap ahli koperasi.

Hadir sama, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Sri Khairul Dzaimie Daud, Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan Jalal (Bersara), barisan pengarah dan timbalan pengarah PDRM, barisan Ketua Polis Negeri, ahli-ahli KPDRM serta pengamal media.



KPN SEMPURNAKAN SAMBUTAN HARI KESEDARAN AUTISME, PUSAT AUTISME PENGAMAN PDRM 2025

Kuala Lumpur, 14 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain telah menyempurnakan Sambutan Hari Kesedaran Autisme Pusat Autisme Pengaman Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2025 yang berlangsung meriah di Dewan Pengaman, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.

Berucap di majlis perasmian yang diadakan, Tan Sri Razarudin menegaskan bahawa anak-anak autistik merupakan permata berharga yang dikurniakan dengan kebolehan dan potensi luar biasa. Justeru, beliau menekankan pentingnya sokongan berterusan dalam bentuk pendidikan, intervensi awal dan pembangunan sendiri bagi memastikan mereka dapat berdikari dan menyumbang kepada masyarakat.

Beliau turut memaklumkan bahawa Pusat Autisme Pengaman-PDRM, yang ditubuhkan pada 3 Ogos 2020, kini menawarkan tiga program utama iaitu *Early Intervention Fullday*, *Early Intervention Halfday* dan 'Program Intensif'. Ketiga-tiga program ini diselenggarakan bagi memenuhi keperluan pembelajaran berbeza murid-murid autisme.

"Dengan kekuatan seramai 18 kakitangan, pusat ini berupaya memberi intervensi berkualiti kepada 50 pelajar menerusi pendekatan pembelajaran yang menyeluruh dan pemerkasaan aspek sosial, komunikasi serta kemahiran sendiri," ujar beliau lagi.

Majlis turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya demonstrasi penculikan oleh Jabatan Siasatan Jenayah, aktiviti tunggangan kuda bersama kanak-kanak oleh Unit Berkuda, Pasukan Simpanan Persekutuan serta saringan awal autisme percuma oleh Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan.

Dalam semangat solidariti, Tenaga Nasional Berhad dan Education Malaysia Global Services turut menyumbang masing-masing sebanyak RM10,000 dan RM50,000 bagi menyokong perkembangan pendidikan anak-anak autisme melalui Pusat Autisme Pengaman PDRM.

Turut hadir menyerikan sambutan ialah Pengerusi Yayasan Pengaman Malaysia, Tan Sri Norian Mai, Timbalan Pengerusi Yayasan merangkap Pengerusi Pusat Autisme Pengaman, Tan Sri Hussin Hj. Ismail, Ketua Polis Selangor, CP Dato' Hussein Omar Khan, Komandan PULAPOL Kuala Lumpur, DCP Alzafny Ahmad dan barisan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pengaman Malaysia serta pegawai kanan PDRM.



TAN SRI RAZARUDIN RASMI PROGRAM KEHARMONIAN MASYARAKAT KAMPUNG ANGKAT MADANI 2025 - KPN

Kuala Pilah, 15 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain merasmikan Program Keharmonian Masyarakat Kampung Angkat MADANI 2025 - KPN di Kompleks Institut Pengajian Tasawuf, Kampung Parit Seberang, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Ketibaan Tan Sri Razarudin telah disambut oleh Ketua Polis (KP) Negeri Sembilan, DCP Dato' Ahmad Dzaffir Mohd Yussof. Program Kampung Angkat MADANI merupakan suatu pendekatan *Whole of Government* yang menyentuh denyut nadi rakyat bagi melengkapi keperluan asas dan infrastruktur setiap kampung yang terpilih.

Dalam ucapannya, Tan Sri Razarudin berkata, pemilihan Kampung Parit Seberang sebagai Kampung Angkat MADANI 2025 dibuat berdasarkan penilaian tahap kemudahan di bawah 50 peratus atau prasarana tidak lengkap serta memerlukan perhatian khusus.

"Selain merapatkan jurang kemudahan asas antara desa dan bandar secara holistik, program ini menyediakan perkhidmatan kemasyarakatan yang terbaik melalui kolaborasi kementerian, jabatan, agensi dan universiti awam," ujarinya.

Tan Sri Razarudin turut merakamkan penghargaan atas sokongan serta penglibatan aktif penduduk setempat dalam menjayakan program tersebut yang secara kebetulan merupakan kampung kelahiran beliau sendiri. Malah kehadiran ibunda tercinta, Puan Rahmah Abd Rahman telah menjadikan program berkenaan begitu bermakna buat Tan Sri Razarudin.

Gimik perasmian yang penuh dengan aksi hebat telah dijayakan oleh pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Berat (D9), Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Negeri Sembilan dengan diketuai oleh ASP Noor Azhar Noor Mohamad. Terdahulu, hadirin disajikan dengan persembahan seni mempertahankan diri Pancang 12 yang menggunakan cota dan perisai oleh anggota Unit 7, Pasukan Simpanan Persekutuan Kontinjen negeri.

Sebagai sebahagian daripada agenda kebajikan program, Tan Sri Razarudin berbesar hati menyampaikan bantuan berupa bakul Rahmah kepada 20 keluarga terpilih.

Selain itu, pelbagai pengisian turut diadakan seperti sesi ceramah kesedaran keselamatan, pemeriksaan kesihatan percuma dan pameran perkhidmatan oleh agensi kerajaan termasuk tawaran diskaun saman trafik sebanyak 50 peratus bagi kesalahan-kesalahan terpilih.

Turut hadir, Ahli Parlimen Jelebu, Datuk Seri Hj. Jalaluddin Hj. Alias, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Pengurusan), Dato' Rozitta Sulaiman, Ahli Parlimen Kuala Pilah, Dato' Adnan Abu Hassan dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Pilah, Dato' Noorzunita Begum Mohd Ibrahim.

Hadir sama, barisan Timbalan Pengarah Polis Diraja Malaysia, Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah, Timbalan KP Negeri, SAC Muhammad Idzam Jaafar, Ketua Polis Daerah Kuala Pilah, Superintenden Muhamad Mustafah Hussin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung merangkap Ketua Kampung Parit Seberang, Encik Hasnan Abdul Malek.



KPN SUMBANG RM5,000 KEPADA TABUNG TAWP

Kuala Lumpur, 18 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain menyerahkan sumbangan berjumlah RM5,000 kepada Tabung Amanah Warisan Polis (TAWP).

Sumbangan berbentuk *mock cheque* itu diserahkan kepada Pengarah Pengurusan, CP Dato' Abdul Aziz Abdul Majid yang juga Ahli Tetap TAWP, dalam satu majlis ringkas di pejabat beliau.

Sumbangan tersebut merupakan hasil daripada perintah mahkamah terhadap defendan, Wan Muhammad Azri Wan Deris atau lebih dikenali sebagai Papagomo yang diarah membayar ganti rugi susulan kenyataan berbau fitnah.

Ia merupakan sumbangan kedua Tan Sri Razarudin kepada TAWP selepas menyumbangkan RM10,000 pada 24 Februari lalu, menjadikan jumlah keseluruhan sumbangan peribadi beliau sebanyak RM15,000.

Menurut Tan Sri Razarudin, sumbangan tersebut adalah tanda sokongan beliau terhadap usaha kebajikan yang dilaksanakan oleh TAWP dalam membantu kebajikan pegawai, anggota dan anak-anak polis yang memerlukan.

Beliau menegaskan bahawa dana seperti itu amat penting dalam meringankan beban kewangan golongan yang memerlukan, terutamanya dalam kalangan warga Polis Diraja Malaysia.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran), DCP Dato' Ts. Azizee Ismail, Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah dan Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Hal Ehwal Pesara), SAC Alina Sa'ad.



KPN SEMBAH MENGADAP DYMM SULTAN PERAK DAN KDYMM SULTAN TERENGGANU



Kuala Lumpur, 18 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain mengadap Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah di Istana Hinggap Perak.

Selesai sesi mengadap Sultan Nazrin, Tan Sri Razarudin meneruskan lawatan ke Istana Hinggap Terengganu bagi mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Terengganu, Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

Kedua-kedua sesi sembah mengadap itu bersempena persaraan Tan Sri Razarudin selepas tempoh kontrak perkhidmatan beliau sebagai KPN akan berakhir pada 22 Jun 2025.



TIMBALAN KPN IRINGI MDN LAWAT MAKMAL FORENSIK PDRM

Cheras, 19 Jun 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengiringi Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail melawat ke Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Maktab PDRM Kuala Lumpur (KL).

Dalam lawatan yang berlangsung sekitar sejam itu, Datuk Seri Saifuddin Nasution telah diberi penerangan dan melihat dengan lebih dekat berkaitan proses siasatan forensik oleh PDRM dalam merungkai serta menyelesaikan kes-kes jenayah dengan menggunakan kaedah teknologi.

Selesai lawatan tersebut, Tan Sri Ayob Khan turut menghadiri Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian Peringkat Kementerian Dalam Negeri (KDN) Bilangan 1 Tahun 2025 yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Saifuddin Nasution di Dewan KPN.

Program diteruskan dengan sesi penyerahan projek fizikal yang turut melibatkan PDRM seperti Projek Naik Taraf dan Pembangunan Sistem Makmal Forensik Maktab PDRM Kuala Lumpur, Pembangunan Disaster Recovery Center bagi Sistem PDRM dan Projek Balai Polis Kuala Krau.


Hadir sama, Timbalan MDN, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah, Ketua Setiausaha (KSU) KDN, Datuk Awang Alik Jeman, barisan Timbalan KSU KDN, barisan ketua agensi di bawah KDN, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, CP Dato' Sri Mohd Suhaily Mohd Zain, Komandan Maktab PDRM KL, DCP Dato' Pahlawan Shazeli Dato' Kahar serta barisan pegawai kanan PDRM dan KDN.



KPN MENGADAP SEMBAH KDPB SULTAN PAHANG

Kuala Lumpur, 19 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain mengadap sembah Kebawah Duli Paduka Baginda (KDPB) Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah di Shahzan House.

Sesi mengadap sembah itu bersempena persaraan Tan Sri Razarudin selepas tempoh kontrak perkhidmatan beliau sebagai KPN akan berakhir pada 22 Jun 2025.





TAN SRI RAZARUDIN

PEMIMPIN DEKAT DI HATI WARGA SANG SAKA BIRU

Kuala Lumpur, 20 Jun 2025 - Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur menjadi saksi detik bersejarah apabila ribuan warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) hadir menyaksikan Perbarisan Persaraan dan Paluan Berundur Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain, sebagai penghormatan terakhir kepada pemimpin nombor satu Sang Saka Biru.

Tan Sri Razarudin merupakan pemimpin berjiwa besar yang sentiasa dekat di hati warga Pasukan. Beliau dikenang sebagai ketua yang tidak pernah meletakkan jarak antara dirinya dengan warga kerjanya, sentiasa menyantuni, merendah diri dan sedia turun padang dalam apa jua keadaan.

Bekas graduan Sarjana Sains Sosial dalam bidang Pengajian Kepolisan dari Universiti Kebangsaan Malaysia ini diibaratkan seperti sebutir kejora yang menerangi landasan perjuangan Sang Saka Biru dan sinarnya turut menyulahi hala tuju Pasukan keramat.

Sepanjang 43 tahun perkhidmatan, beliau telah menjawat pelbagai jawatan strategik termasuk dalam bidang siasatan jenayah, narkotik, pengurusan kontinjen serta pasukan elit khas namun kekal sebagai pemimpin yang sederhana, berprinsip dan sentiasa menjiwai denyut nadi warga PDRM.

Bersandarkan nawaitu dan berbekalkan pengalaman yang cemerlang, Tan Sri Razarudin sentiasa mengajak warga Pasukan untuk terus berkhidmat dengan ikhlas, menjunjung amanah dengan penuh integriti serta mengukuhkan semangat *esprit de corps* di antara satu sama lain.

Dua fokus utama yang diperkenalkan oleh beliau sejak menerajui PDRM iaitu perkhidmatan bertunjangkan integriti dan tata kelola yang baik serta mendukung dasar-dasar kerajaan ke arah kesejahteraan masyarakat merupakan lambang kepada ketegasan dan ketelusan penguatkuasaan undang-undang di Malaysia yang sentiasa dijunjung tinggi oleh setiap lapisan warga PDRM.

Tan Sri Razarudin Husain telah meninggalkan legasi kepimpinan yang bukan sahaja menjulang prestasi PDRM, tetapi menyuburkan ekosistem tata kelola yang kukuh, beretika dan berkesan.



Majlis yang berlangsung bermula jam 5.00 petang itu disusun penuh tertib dengan dimulakan perarakan Panji-panji Utama, Panji-Panji Batalion dan Panji-panji Unit serta lintas hormat pesawat Pasukan Gerakan Udara ketika nyanyian lagu kebangsaan 'Negaraku'.

Sorotan majlis turut memperlihatkan detik pemeriksaan perbarisan oleh Tan Sri Razarudin menggunakan kenderaan istiadat diikuti persembahan pancaragam PDRM yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Muzik PDRM, DSP Mesmoro Edward dan deklamasi sajak bertajuk 'Di Sini Setiamu Terukir' yang disampaikan khas oleh Sub Inspektor Yusuf Ramji dari Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara sebagai penghormatan buat beliau.

Majlis diakhiri dengan upacara simbolik *Beating Retreat* sekitar jam 6.00 petang. Beliau kemudiannya dibawa menaiki kenderaan istiadat bersama isteri tercinta, Puan Sri Datuk Zainah Othman ke Balai Pengawal untuk menandatangani Buku Pelawat sebelum meninggalkan medan perkhidmatan dengan penuh tabik penghormatan warga Pasukan.

Terdahulu pada sebelah tengah hari, Tan Sri Razarudin berkesempatan menunaikan solat Jumaat bersama-sama barisan Pengarah serta lebih 500 jemaah yang terdiri daripada para pelatih Inspektor dan Konstabel Program Latihan Asas Kepolisan, warga PULAPOL dan kariah sekitar di Masjid Sallehin, PULAPOL Kuala Lumpur. Ketibaan beliau disambut oleh komandannya, DCP Alzafny Ahmad.

Seusai itu, Tan Sri Razarudin telah dibawa ke Dewan Tan Sri Abdul Rahman Hashim, PULAPOL Kuala Lumpur bagi menghadiri Majlis Serah Terima Tugas Jawatan KPN.

Tan Sri Razarudin telah menyerahkan jawatan nombor satu dalam PDRM itu kepada penggantinya, IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail yang akan meneruskan legasi kecemerlangan PDRM untuk memimpin Pasukan ke tahap yang lebih tinggi. Penyerahan tampuk kepimpinan Pasukan itu disaksikan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang mewakili pihak Kerajaan.

Turut berlangsung Serah Terima Tugas Jawatan Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia di antara Puan Sri Datuk Zainah Othman dengan penyandang baharu, Datin Sri Hjh. Munirah Che Rose sambil disaksikan oleh Datin Seri Norhayati Musa merangkap Penaung Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Kedua-dua majlis berkenaan turut disiarkan secara langsung menerusi Facebook Rasmi PDRM bagi membolehkan seluruh Pasukan dan rakyat Malaysia mengikuti detik bersejarah ini.

Hadir sama dalam majlis berkenaan ialah Menteri Komunikasi, Datuk Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil, Ketua Setiausaha (KSU) KDN, Datuk Awang Alik Jeman, Timbalan KPN, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay dan isteri merangkap Naib Pengerusi PERKEP Malaysia, Puan Sri Dato' Zalena Ariffin, barisan Timbalan KSU KDN, barisan Pengarah PDRM serta isteri, barisan Pesuruhjaya Polis dan Ketua Polis Negeri bersama isteri, barisan pegawai kanan KDN dan Suruhanjaya Pasukan Polis, pegawai-pegawai kanan PDRM, ahli-ahli PERKEP serta rakan media.

Buat Tan Sri Razarudin, nilai integriti, disiplin dan kesederhanaan yang Tan Sri semakan akan kekal menjadi panduan dan pedoman buat seluruh warga Pasukan dalam meneruskan amanah menjaga keamanan negara.

Selamat bersara dan semoga menikmati masa istirehat yang bermakna bersama keluarga tersayang, IG Tan Sri Razarudin Husain dan Puan Sri Datuk Zainah Othman!





TAN SRI RAZARUDIN LEGASI KEPIMPINAN, INSPIRASI SEPANJANG ZAMAN

Subang Jaya, 21 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN) selaku Yang Dipertua Mes Polis Diraja Malaysia (PDRM), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail dan isteri merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis Malaysia, Datin Sri Hjh. Munirah Che Rose berbesar hati meraikan KPN ke-14, Tan Sri Razarudin Husain bersama isteri, Puan Sri Datuk Zainah Othman dalam Malam Mes sempena persaraan beliau sebagai KPN yang berlangsung di Hotel Sunway Resort.

Majlis dengan penuh istiadat kepolisan anjuran Jawatankuasa Mes Pegawai Kanan PDRM telah membawa tema 'Legasi Kepimpinan, Inspirasi Sepanjang Zaman', bertepatan dengan kewibawaan, profesionalisme serta aura kepimpinan yang dimiliki oleh Tan Sri Razarudin sepanjang tempoh hampir 43 tahun berkhidmat dalam Pasukan.

Berucap dalam majlis tersebut, Dato Sri Hj. Mohd Khalid menyifatkan Tan Sri Razarudin sebagai seorang pemimpin yang tegas dan menolak sikap mentadbir dari kerusi empuk. Tan Sri Razarudin ligat turun padang untuk berada lebih dekat serta menyelami denyut nadi warga Pasukan.

Tambah beliau, lebih membanggakan lagi figura hebat ini turut cemerlang dalam arena sukan berkuda sehingga berjaya mengharumkan nama PDRM di pentas sukan berpestij itu.

Majlis yang diadakan turut diserikan dengan tayangan dua buah video yang berkisarkan perjalanan hidup dan karier Tan Sri Razarudin sebagai anak anggota polis sehingga berjaya menjawat jawatan nombor satu pasukan keramat ini.

Turut hadir meraikan malam yang gemilang itu, barisan Pengarah dan Timbalan Pengarah PDRM, Pesuruhjaya Polis Sabah dan Sarawak, barisan Ketua Polis Negeri, para pesara PDRM termasuk ahli keluarga Tan Sri Razarudin.



KPN HADIR PERHIMPUNAN BULANAN KDN ANJURAN BERSAMA JPPM

Putrajaya, 23 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi bulan Jun yang berlangsung dekat Dewan Gemilang, Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa.

Perhimpunan bulanan yang disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail itu merupakan anjuran bersama Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM).

Ia adalah program rasmi pertama dihadiri Dato' Sri Hj. Mohd Khalid selepas menjawat jawatan sebagai KPN berkuatkuasa pada 23 Jun 2025.

Turut berlangsung tadi ialah penyampaian hadiah Pertandingan Langkah Sihat Putrajaya Peringkat KDN. Ia merupakan salah satu inisiatif di bawah Putrajaya Sihat Sejahtera dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia yang memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan penjawat awam.

Majlis kemudiannya menyaksikan pra peluncuran Sistem eROSES 2.0 oleh Datuk Seri Saifuddin Nasution dengan diiringi Ketua Pengarah JPPM, Dato' Mohd Zulfikar Ahmad.

Sistem eROSES merupakan platform digital yang dibangunkan oleh JPPM bagi memudahkan urusan pendaftaran dan pemantauan pertubuhan secara dalam talian.

eROSES versi 2.0 yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2025, sedang dinaiktaraf kepada ciri-ciri yang lebih moden, beroperasi dalam persekitaran awan serta diperkasa oleh teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

Turut hadir, Timbalan MDN, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Hj. Nasarah, Ketua Setiausaha (KSU) KDN, Datuk Awang Alik Jeman, Timbalan KSU (Keselamatan) KDN, Dato' Hj. Abdul Halim Hj. Abdul Rahman, barisan Pengarah dan Timbalan Pengarah Polis Diraja Malaysia, Komander Eastern Sabah Security Command, DCP Datuk Victor Sanjos, Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah serta barisan ketua pengarah jabatan dan agensi di bawah KDN.

DATO' SRI HJ. MOHD KHALID MULAKAN TUGAS RASMI SEBAGAI KPN HARI INI

Kuala Lumpur, 23 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail memulakan tugas rasmi sebagai KPN ke-15 menggantikan Tan Sri Razarudin Husain yang bersara daripada perkhidmatan.

Beliau tiba di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman dengan menaiki kenderaan rasmi dan menerima penghormatan *Guard Turn Out* oleh Cawangan Kem Komandan, sebagai tanda bermulanya era baharu kepimpinan tertinggi Pasukan.

Ketibaan beliau disambut oleh Pengarah Pengurusan, CP Dato' Abdul Aziz Abdul Majid, Pengarah Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik, CP Dato' Sri Mohd Yusri Hj. Hassan Basri serta Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, CP Dato' Sri Muhammed Hasbullah Ali.

Dato' Sri Hj. Mohd Khalid kemudian diiringi ke tingkat 31 untuk menandatangani buku pelawat sebagai simbolik permulaan tugas. Majlis turut diserikan dengan bacaan doa selamat yang dipimpin oleh Timbalan Pengarah (Agama dan Kaunseling), Jabatan Integriti dan Pemuatan Standard, DCP Datuk Azhan Abdul Halim.

Turut hadir ialah barisan Timbalan Pengarah PDRM, Setiausaha Polis Malaysia, SAC Dato' Kamaruzaman Abdullah, Ketua-ketua Urus Setia KPN serta Ketua Komunikasi Korporat PDRM, ACP Julina Salehuddin.





DATO' SRI AZRI

TINGGALKAN LEGASI KEPIMPINAN BERTERASKAN INTEGRITI DAN STRATEGI UTUH

Kuala Lumpur, 25 Jun 2025 - Sepanjang menerajui Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) selama empat tahun, CP Dato' Sri Azri Ahmad berjaya membentuk sebuah kepimpinan berteraskan integriti dan strategi yang utuh, sekali gus menjadikan beliau antara figura penting dalam pembudayaan tadbir urus beretika dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Di bawah kepimpinannya, beliau juga telah melaksanakan Pelan Antirasuah PDRM dan memperkenalkan pelbagai reformasi pematuhan dalam lapisan organisasi demi memastikan Pasukan kekal relevan dalam menjaga keselamatan awam serta mendapat kepercayaan penuh oleh masyarakat.

Meskipun banyak lagi pembaharuan yang ingin dilaksanakan, namun seluruh warga Pasukan harus akur melepaskan Dato' Sri Azri yang menjalani persaraan wajib selepas 37 tahun menabur bakti kepada agama, bangsa dan negara.

Majlis Paluan Berundur sempena persaraan beliau telah berlangsung penuh istiadat di Dataran Kawad, Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur menghimpunkan kepimpinan tertinggi dan warga PDRM sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan besar beliau sepanjang lebih tiga dekad dalam Pasukan.

Ketibaan Dato' Sri Azri bersama isteri merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) JIPS, Datin Sri Norlia Hj. Othman disambut mesra Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail dengan timbalannya, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay.

Menyingkap kembali perjalanan karier anak jati Kuala Lumpur ini Dato' Sri Azri mula menyertai PDRM sebagai Kadet ASP pada 5 Jun 1988 dan berkelulusan Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Tulsa, Amerika Syarikat.

Beliau turut mengikuti latihan profesional di Harvard Business School dan International Law Enforcement Academy Bangkok serta pernah berkhidmat di Kementerian Pertahanan Malaysia sebagai Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Industri Pertahanan.

Antara kejayaan besar lain sepanjang kerjayanya termasuklah pelaksanaan Program Penswastan Pengurusan Kenderaan Pasukan, penggubalan dasar Agenda Go Green PDRM dan peranan aktif dalam penyelarasan keselamatan semasa pandemik COVID-19.

Sementara itu, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid dalam ucapannya menyifatkan persaraan Dato' Sri Azri sebagai satu kehilangan besar buat Pasukan, namun turut mengangkatnya sebagai contoh kepimpinan berteraskan integriti dan strategi jangka panjang.

“Sesungguhnya, jasa dan pengorbanan yang ditaburkan tidak akan luput ditelan waktu, malahan terus menjadi inspirasi dalam membentuk kekuatan dan kelestarian Pasukan, seterusnya menjadi legasi berharga buat PDRM,” ujar beliau.

Dalam majlis yang berlangsung Dato' Sri Azri telah diberi penghormatan oleh Pasukan untuk menjadi *guest conductor* bagi memimpin Pancaragam Pusat PDRM yang diketuai Timbalan Ketua Pengarah Muzik PDRM, DSP Mesmoro Edward dengan membawa lagu *My Way*.



Terdahulu, bertempat di Dewan Tan Sri Abdul Rahman Hashim telah diadakan majlis pemakaian pangkat kepada CP Dato' Rusdi Mohd Isa yang memegang jawatan sebagai Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) dan CP Datuk Hamzah Hj. Ahmad yang dilantik sebagai Pengarah JIPS. Pemakaian pangkat Komisioner Polis turut disematkan kepada CP Tuan Gilbert Philip Layang yang kini memegang tampuk Jabatan Logistik dan Teknologi.

Majlis diteruskan dengan pertukaran dokumen serah terima tugas jawatan Pengarah JSJK daripada pemangkunya, CP Dato' Sri Muhammed Hasbullah Ali kepada penggantinya, Dato' Rusdi serta jawatan Pengarah JIPS daripada Dato' Sri Azri kepada penggantinya, Datuk Hamzah, disusuli penyerahan tongkat kuasa yang disaksikan oleh Dato' Sri Hj. Mohd Khalid.

Turut berlangsung dalam majlis tersebut ialah serah terima tugas jawatan Pengerusi PERKEP JSJK di antara Datin Sri Rosmariza Dato' Hj. Che Omar yang sebelum ini memangku tugas tersebut dan diserahkan kepada Datin Zuraini Abd Razak serta jawatan Pengerusi JIPS, Datin Sri Norlia dengan penyandang baharu, Datin Hjh. Sulastris Fethihana Swanto sambil disaksikan oleh Pengerusi PERKEP Malaysia, Datin Sri Hjh. Munirah Che Rose.

Tiga pegawai kanan lain yang turut menerima pemakaian pangkat ialah DCP Redzuan Abdul Hamid yang dilantik sebagai Timbalan Pengarah (Teknikal/Operasi), JLog, DCP Mohd Rozi Jidin sebagai Timbalan Pengarah (Kawalan Lalulintas/Pengurusan Saman), Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik serta SAC Nordin Md Nor sebagai Ketua Penolong Pengarah (Telekomunikasi dan Sistem Maklumat), JLog.

Hadir sama, Pengarah Pengurusan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, CP Dato' Abdul Aziz Abdul Majid, barisan Pengarah PDRM, barisan pegawai kanan PDRM, ahli-ahli PERKEP serta rakan-rakan media.

Legasi Dato' Sri dalam membina integriti dan strategi pengurusan yang unggul akan sentiasa menjadi pedoman warga PDRM.

Selamat bersara Dato' Sri Azri Hj. Ahmad! Semoga Dato' Sri menjalani tempoh persaraan dengan penuh bahagia bersama Datin Sri dan seluruh keluarga tercinta.



KPN ADAKAN LAWATAN MENGEJUT KE IPD PUTRAJAYA

Putrajaya, 26 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail telah mengadakan lawatan mengejut ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya.

Beliau mengambil kesempatan tersebut untuk menyantuni warga kerja IPD sejourus selesai menghadiri mesyuarat di Kementerian Dalam Negeri di samping meninjau secara langsung operasi harian yang dilaksanakan mereka.

Dato' Sri Hj. Mohd Khalid juga tidak ketinggalan menghadiri Majlis Uji Cuba Pemasangan dan Perakuan Teknikal Penghadang Tempat Kejadian (PTK) yang dibangunkan oleh Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kontinjen Kuala Lumpur (KL) iaitu Synergy Wow.

Taklimat ringkas disampaikan oleh Timbalan Ketua Polis KL, DCP Dato' Mohamed Usuf Jan Mohamad berkenaan penggunaan PTK tersebut yang direka khas bagi meningkatkan tahap kecekapan, keselamatan dan keberkesanan kawalan lokasi kejadian oleh pasukan keselamatan.

Turut hadir, Ketua Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) Bukit Aman, CP Dato' Sri Muhammed Hasbullah Ali, Timbalan Pengarah (Siasatan Jenayah Siber) Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, DCP Shamsul Amar Ramli dan Ketua Polis Daerah Putrajaya, ACP Aidi Sham Mohamed.



KPN HADIRI MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN

Kuala Lumpur, 27 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail telah menghadiri Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H/2025M anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang berlangsung di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia.

Majlis turut diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bersama Yang Amat Mulia Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Sultan Ibrahim.

Keberangkatan tiba Sultan Ibrahim disambut oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama timbalannya merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Polis Diraja Malaysia turut memeriahkan majlis sambutan dengan penyertaan seramai 17 warga kerja dari pelbagai jabatan dan bahagian, sebagai tanda sokongan padu terhadap agenda perpaduan ummah serta penghayatan semangat Maal Hijrah.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Hj. Ahmad Fauwaz Fadzil, disusuli dengan Tausiyah Khas Maal Hijrah oleh Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dato' Dr. Hj. Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim.

Seterusnya, sembah ucapan aluan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im Hj. Mokhtar sebelum Titah Diraja disempurnakan oleh Sultan Ibrahim di hadapan lebih 8,000 tetamu yang hadir. Tema sambutan pada tahun ini iaitu "Membangun Ummah MADANI", menyeru umat Islam untuk meneladani semangat hijrah Rasulullah SAW dalam membentuk masyarakat bertamadun, inklusif dan seimbang dari sudut rohani dan jasmani.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1447H/2025M kepada Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Dato' Dr. Hj. Nooh Gadot, manakala Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, H.E. Dr. Tawfiq Fawzan Al-Rabiah dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Antarabangsa.

Turut hadir, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' (Dr.) Johari Abdul, barisan Menteri dan Timbalan Menteri Kabinet, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Hj. Abdul Aziz, Peguam Negara, Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar serta ketua-ketua jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan, negeri dan wakil kenamaan luar negara.



KPN SAKSI SERAH TERIMA TUGAS PENGARAH JSJ

Kuala Lumpur, 30 Jun 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail telah menjadi saksi bagi serah terima tugas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dalam sebuah majlis yang diadakan di Dewan Theatre, Menara 1, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman.

Ia bersempena pelantikan CP Dato' Sri Mohd Shuhailly Mohd Zain sebagai Ketua Pengarah baharu yang akan menerajui Agensi Keselamatan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) menggantikan Dato' Sri Hazani Ghazali yang juga merupakan nama besar dalam barisan kepimpinan tertinggi PDRM sebelum ini.

Terdahulu ketibaan Dato' Sri Hj. Mohd Khalid bersama isteri merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Datin Sri Hj. Munirah Che Rose disambut oleh Timbalan KPN, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay dan Pengarah Pengurusan selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, CP Dato' Abdul Aziz Abdul Majid.

Acara dimulakan dengan sesi menandatangani dan penyerahan dokumen serah terima tugas disusuli dengan penyerahan tongkat kuasa di antara Pengarah JSJ, CP Dato' Sri Mohd Shuhailly Mohd Zain dengan Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah (Risikan/ Operasi), DCP Dato' Fadil Marsus yang kini memangku jawatan tersebut. Kedua-dua acara tersebut disaksikan oleh Dato' Sri Hj. Mohd Khalid.

Berucap dalam majlis itu, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid menyifatkan sepanjang tempoh Dato' Sri Mohd Shuhailly memegang tampuk kepimpinan JSJ, beliau kekal ampuh bersama PDRM menghadapi pelbagai kes jenayah berprofil tinggi yang bukan sahaja menguji kemampuan beliau sebagai orang nombor satu jabatan sebaliknya membuka mata masyarakat dan pemimpin negara tentang kredibiliti Pasukan khususnya JSJ.

"Pertukaran tampuk kepimpinan yang berlangsung bukanlah sekadar urusan pentadbiran, tetapi ia juga adalah satu langkah strategik menyebarluas ciri kepimpinan, budaya kerja dan *trade craft* PDRM di pelbagai agensi penguat kuasa, sekali gus mewujudkan keseragaman yang diyakini berupaya memperkukuh keutuhan organisasi serta meningkatkan keberhasilan negara.

"Barisan kepimpinan tertinggi dan seluruh warga Pasukan turut berasa bangga atas kepercayaan yang telah diberikan oleh Kerajaan menerusi pelantikan Dato' Sri Mohd Shuhailly sebagai pucuk pimpinan baharu yang akan menerajui AKPS," ujar beliau. Turut berlangsung ialah serah terima tugas Pengerusi PERKEP JSJ oleh Datin Sri Ennie Salina Roseli kepada pemangkunya, Datin Nurashidah Ishak dengan disaksikan oleh Datin Sri Hj. Munirah Che Rose.





KONSEP & TERBITAN:

Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat)
Tingkat 2, Menara 1,
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman 50560 Kuala Lumpur

Tel: 03-2266 8313 / 8326 / 8329
Faks: 03-2266 8330

KEPADA PEMBACA YANG BUDIMAN,

Jika anda ingin menyumbangkan sebarang karya tulisan seperti artikel / puisi / sajak / informasi menarik berkaitan PDRM untuk dimasukkan di dalam Berita Bukit Aman, sila emelkan kepada kkorporat@rmp.gov.my atau hubungi 03-2266 8313 / 8326 untuk pertanyaan lanjut